



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



© UNICEF/JUN1804082/SUN

Laporan Awal **SEA-PLM 2024**

SOUTHEAST ASIA PRIMARY LEARNING METRICS

Refleksi Separuh Dekad Pembelajaran Asas

Memahami Data, Memperkasa Dasar



Southeast Asian
Ministers of Education
Organization

unicef 
for every child







KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Laporan Awal **SEA-PLM 2024**

SOUTHEAST ASIA PRIMARY LEARNING METRICS

Refleksi Separuh Dekad Pembelajaran Asas

Memahami Data,
Memperkasa Dasar



Southeast Asian
Ministers of Education
Organization

unicef 
for every child





WADAH PEMIMPIN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.

Pendidikan sentiasa menjadi asas kepada harapan dan impian sesebuah negara. Dalam harapan tersebut, terdapat satu matlamat yang amat penting, iaitu memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia mampu membaca, menulis dan mengira dengan yakin dan ceria. Penyertaan Malaysia dalam SEA-PLM mencerminkan komitmen kita untuk benar-benar memahami bagaimana anak kita belajar, agar setiap dasar yang dirangka membawa perubahan yang signifikan di tempat yang paling penting, iaitu di dalam bilik darjah.

Dapatan SEA-PLM 2024 menunjukkan pencapaian yang stabil, di samping mengingatkan kita tentang bidang yang memerlukan perhatian yang lebih mendalam. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para guru, ibu bapa dan pemimpin sekolah, kerana kita semua maklum bahawa kohort sampel SEA-PLM 2024 ini telah menjalani hampir dua tahun pembelajaran di rumah dalam keadaan yang mencabar, namun mereka tetap tabah dan terus berusaha.

Kita turut berbangga dengan beberapa perkembangan positif, termasuk penutupan jurang pencapaian antara jantina dalam Matematik serta usaha berterusan

untuk merapatkan jurang bandar dan luar bandar. Kita juga amat terinspirasi dengan pencapaian 30% murid daripada latar belakang kurang bernasib baik yang berjaya menunjukkan prestasi cemerlang. Perkara ini membuktikan bahawa dengan sokongan yang tepat, setiap anak mampu mencapai potensi terbaik mereka.

Hala tuju kita kekal selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-13 dan Rancangan Pendidikan Malaysia 2026-2035 yang baharu, pembelajaran asas ialah keutamaan nasional. Kementerian akan terus memperkukuh usaha pengesanan awal, sokongan bertumpu, serta pembangunan profesional guru bagi memastikan setiap murid menerima bantuan apabila mereka memerlukannya.

Kementerian Pendidikan akan terus kekal dan tekal dalam membina asas pembelajaran yang kukuh untuk setiap anak. Kita menegaskan bahawa komitmen terhadap SEA-PLM sebagai platform penting yang memperkukuh bukti, memaklumkan dasar dan membimbing kita ke arah hasil pembelajaran yang lebih baik untuk semua.

Sekian, terima kasih.

Fadhlina Sidek,
Menteri Pendidikan.



BAB 1

Data SEA-PLM 2024 : Refleksi Pembelajaran Sepuluh Dekad

Angka dan graf pencapaian Malaysia dalam SEA-PLM 2024 menyingkap sejauh mana hasil pembelajaran literasi dan numerasi murid dalam bilik darjah dalam tempoh 5 tahun iaitu antara 2020-2024. Pencapaian Malaysia dalam kalangan negara serantau, trend pencapaian berbanding SEA-PLM 2019, ekuiti dalam pendidikan iaitu perbezaan antara murid lelaki dan perempuan, lokasi, serta latar belakang sosioekonomi telah dikenal pasti. Selain itu, kesejahteraan murid, guru, sekolah dan ibu bapa yang memberi kesan terhadap pencapaian murid turut ditelaah bersama-sama dalam bab ini.

1.1 Latar Belakang

SEA-PLM atau Southeast Asia Primary Learning Metrics merupakan satu-satunya kajian penandaarasan peringkat serantau yang dianjurkan oleh The Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) dengan kerjasama United Nations Children's Fund (UNICEF). Kajian yang dijalankan dalam tempoh lima tahun sekali ini mengukur tahap pencapaian murid Tahun 5 dalam domain literasi bacaan, penulisan, matematik dan kewarganegaraan global, selari dengan indikator Sustainable Development Goal (SDG) 4.1.1b dan SDG 4.7. Kajian ini mula diperkenalkan pada tahun 2019 dengan penyertaan enam buah negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia. Bilangan negara yang mengambil bahagian telah meningkat kepada tujuh buah negara dalam pusingan kedua SEA-PLM 2024 iaitu Filipina, Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Vietnam dan Timor-Leste.

01 PENGANJUR:
The Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) dengan kerjasama United Nations Children's Fund (UNICEF)

02 NEGARA PESERTA:
7 buah negara - Filipina, Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Vietnam dan Timor-Leste

03 DOMAIN:
Domain literasi bacaan, penulisan, matematik dan kewarganegaraan global

BACAAN **MATEMATIK** **PENULISAN** **KEWARGANEGARAAN GLOBAL**

Mengapa SEA-PLM signifikan di rantau ini?

Dapatan kajian SEA-PLM menunjukkan bahawa sebilangan besar murid sekolah rendah di Asia Tenggara masih belum mencapai tahap penandaarasan Sustainable Development Goals 4–SDG 4 dalam domain Literasi dan Numerasi. Pendidikan sebagai hak asasi setiap kanak-kanak menuntut agar setiap sistem kebangsaan menyediakan peluang pembelajaran yang saksama dan bermutu kepada semua murid tanpa mengira latar belakang.

Dapatan SEA-PLM 2019 mendapati bahawa dalam beberapa konteks negara, ramai murid Tahun 5 masih berdepan kesukaran menguasai pembelajaran asas. Sebahagian murid menunjukkan trajektori pembelajaran yang rendah sejak awal dalam kemahiran membaca, memahami kosa kata, ayat, serta teks pendek dalam bahasa pengantar. Murid yang lemah dalam bacaan hingga akhir sekolah rendah dianggarkan ketinggalan tiga hingga empat tahun berbanding rakan sebaya yang berprestasi tinggi, dengan jurang sekitar 90 mata pada skala SEA-PLM.

Oleh itu, usaha memperluas akses kepada peluang pembelajaran yang bermutu dan inklusif sejak awal perlu dianggap sebagai pelaburan jangka panjang yang strategik bagi memperkukuh asas literasi dan numerasi di rantau ini. Pemantauan berterusan terhadap perkembangan pembelajaran murid perlu diberi keutamaan. Pemantauan ini perlu melibatkan integrasi pelbagai kategori data, termasuk data individu, jenis sekolah, peringkat negeri dan kumpulan sampel, indikator sistem serta bukti lain yang relevan.

Dapatan SEA-PLM 2024 merupakan satu input penting terhadap sistem pendidikan Asia Tenggara yang melalui cabaran yang belum pernah dialami sebelum ini. Pandemik COVID-19 memperlambatkan momentum pembelajaran, manakala jurang bahasa, sosioekonomi dan digital membentuk semula landskap pendidikan asas di rantau ini.


1.2 SEA-PLM 2024 di Malaysia

Malaysia kekal komited menyertai SEA-PLM dengan penyertaan seramai **4,379 orang murid Tahun 5 daripada 158 buah sekolah** dengan menggunakan **empat bahasa pengantar** iaitu bahasa Melayu (BM), bahasa Cina (BC), bahasa Tamil (BT) dan bahasa Inggeris (BI).

Memandangkan kalendar akademik berbeza antara negara Asia Tenggara, pengumpulan data dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu dari April hingga Mei 2024 bagi kumpulan negara pertama, dan dari Ogos hingga November 2024 bagi kumpulan selebihnya. Pendekatan berfasa ini direka dengan teliti agar selaras dengan kalendar persekolahan setiap negara, bagi memastikan murid telah menerima tempoh pembelajaran yang setara dalam kurikulum Tahun 5 negara masing-masing pada masa pentaksiran dijalankan.

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang menggunakan empat bahasa utama dalam pentadbiran ujian yang mencerminkan kepelbagaian sistem pendidikannya. Vietnam mencatat populasi murid tertinggi dengan lebih 2.2 juta murid, melibatkan 153 buah sekolah sampel. Kemboja, Myanmar, dan Lao PDR turut menunjukkan liputan yang meluas, iaitu masing-masing melibatkan antara 4,000 hingga 6,000 orang murid sebagai sampel. Sementara itu, Timor-Leste menyertai ujian buat kali pertama dan dijalankan dalam bahasa Tetum. Secara keseluruhan, data ini memperlihatkan kepelbagaian konteks serta variasi populasi pendidikan di rantau ini.





Sampel

Proses pemilihan sampel ditetapkan secara dua peringkat oleh penganjur kajian, iaitu melalui pemilihan sekolah secara persampelan berstrata, diikuti pemilihan satu kelas Tahun 5 di setiap sekolah. Pendekatan ini dilaksanakan bagi memastikan representasi populasi murid yang seimbang dan bermakna sebagai wakil kepada pencapaian sebenar murid.

Kajian Pelbagai Negara: Populasi, Sampel dan Bahasa Ilmu


Negara	Populasi Murid Tahun 5	Bilangan Sekolah	Bilangan Sekolah Sampel	Bilangan Murid Sampel	Bahasa Ujian Utama
Filipina	2,283,361	42,507	162	5,364	BI
Kemboja	298,149	5,561	195	6,690	Khmer
Lao PDR	132,582	6,770	208	4,517	Lao
Myanmar	403,584	17,044	197	6,035	Myanmar
Malaysia	450,909	7,607	158	4,379	BM, BC, BT, BI
Timor Leste*	29,899	895	171	5,063	Tetum
Vietnam	2,296,833	14,469	153	6,053	Vietnam

* Berdasarkan keputusan Kementerian Pendidikan Timor Leste, tiada keputusan pencapaian Timor Leste akan dipaparkan dalam laporan SEA-PLM 2024.

Jadual 1.1: Kajian Pelbagai Negara: Populasi, Sampel dan Bahasa Ilmu

1.3 Wajah Pendidikan Serantau

Keputusan SEA-PLM 2024 menyingkap pencapaian murid Tahun 5 di rantau Asia Tenggara dalam dua domain utama, iaitu Bacaan dan Matematik. Dapatan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang keupayaan asas literasi dan numerasi murid serantau, selaras dengan indikator SDG 4.1.1(b) yang menilai tahap penguasaan minimum dalam Bacaan dan Matematik bagi murid sekolah rendah. Sementara itu, keputusan bagi domain Penulisan dan Kewarganegaraan Global masih dalam proses analisis dan dijangka diterbitkan pada tahun 2026. Secara keseluruhan, perbandingan purata skor serantau ini bukan sekadar memaparkan angka, tetapi turut mencerminkan dinamik dan keunikan landskap pendidikan di Asia Tenggara.



Rajah 1.1: Trend Purata Skor Negara Peserta 2019 - 2024 bagi Domain Bacaan

*Perhatian perlu diberikan semasa mentafsir dan membandingkan pencapaian Myanmar berikutan perubahan signifikan yang diperhatikan dalam komposisi populasi murid Tahun 5 antara kajian SEA-PLM 2019 dan 2024.

Trend Purata Skor Negara Peserta 2019 - 2024 bagi Domain Bacaan

Negara	Tahun		Beza
	2019	2024	
Kemboja	290	296	6
Lao PDR	276	276	0
Malaysia	319	314	-5
Myanmar*	291	305	14
Filipina	290	290	0
Vietnam	336	323	-13

Jadual 1.2: Trend Purata Skor Negara Peserta 2019 - 2024 bagi Domain Bacaan

* Perhatian perlu diberikan semasa mentafsir dan membandingkan pencapaian Myanmar berikutan perubahan signifikan yang diperhatikan dalam komposisi populasi murid Tahun 5 antara kajian SEA-PLM 2019 dan 2024.


Perbandingan pencapaian dalam domain Bacaan SEA-PLM 2019 dan SEA-PLM 2024 menunjukkan pola yang pelbagai dalam kalangan negara peserta.

Malaysia merekodkan sedikit penurunan sebanyak lima mata iaitu daripada 319 kepada 314, menandakan pencapaian bacaan murid masih stabil selepas lima tahun. Vietnam yang kekal sebagai negara berpencapaian tinggi, mencatat penurunan lebih ketara sebanyak 13 mata (336 kepada 323).

Sebaliknya, Kemboja meningkat enam mata (290 kepada 296) manakala Filipina dan Lao PDR mengekalkan skor seperti pusingan SEA-PLM 2019, masing-masing 290 dan 276, mencerminkan pencapaian yang konsisten.

Secara keseluruhannya, data menunjukkan bahawa trend dalam domain Bacaan di rantau ini berbeza mengikut negara, dengan beberapa negara mencatat peningkatan sederhana manakala negara berprestasi tinggi mengalami sedikit penurunan. Pola ini menandakan bahawa pembangunan literasi pada peringkat serantau masih bersifat dinamik dan belum seragam sepenuhnya.

Rajah 1.2: Trend Purata Skor Negara Peserta 2019 - 2024 bagi Domain Matematik



Jadual 1.3: Trend Purata Skor Negara Peserta 2019 - 2024 bagi Domain Matematik

Negara	Tahun		Beza
	2019	2024	
Kemboja	289	301	12
Lao PDR	279	283	4
Malaysia	315	310	-5
Myanmar*	288	307	19
Filipina	288	293	5
Vietnam	342	335	-7

* Perhatian perlu diberikan semasa mentafsir dan membandingkan pencapaian Myanmar berikutan perubahan signifikan yang diperhatikan dalam komposisi populasi murid Tahun 5 antara kajian SEA-PLM 2019 dan 2024.

Pencapaian murid dalam domain Matematik bagi SEA-PLM 2019 hingga SEA-PLM 2024 juga memperlihatkan corak yang pelbagai, menandakan bahawa kemajuan dalam penguasaan Matematik tidak berlaku secara seragam di seluruh rantau Asia Tenggara.

Malaysia menunjukkan sedikit penurunan sebanyak lima mata (315 kepada 310), menandakan prestasi yang kekal stabil dengan perubahan kecil. Vietnam, yang terus mendahului negara lain dalam skor keseluruhan, turut merekodkan penurunan sebanyak tujuh mata (342 kepada 335), menunjukkan penurunan daripada pencapaian sebelum ini.

Dalam masa yang sama, Kemboja meningkat sebanyak 12 mata (289 kepada 301). Sementara itu, Filipina meningkat sebanyak 5 mata (288 kepada 293), dan Lao PDR meningkat sebanyak 4 mata (279 kepada 283).

Secara umum, pencapaian Matematik di rantau Asia Tenggara menunjukkan pola peningkatan di beberapa negara yang sedang membangun, manakala negara yang telah mencapai tahap pencapaian tinggi berdepan sedikit penurunan skor. Fenomena ini mencerminkan usaha berterusan negara sedang berkembang untuk memperkukuh keupayaan numerasi asas, sekali gus mengurangkan jurang pencapaian serantau, meskipun kadar kemajuan masih berbeza antara negara.

1.4 Trend Prestasi Kebangsaan (2019 – 2024)


Pencapaian murid dalam domain Bacaan dan Matematik diklasifikasikan kepada beberapa band yang menggambarkan tahap penguasaan mereka. Bagi domain Bacaan, tahap penguasaan dibahagikan kepada lima band, bermula daripada Band 2 dan ke bawah hingga Band 6 dan ke atas. Setiap peningkatan band menunjukkan keupayaan murid yang semakin meningkat, daripada memahami maklumat asas kepada keupayaan membuat inferens serta mentafsir maklumat yang lebih kompleks. Penerangan bagi setiap band domain Bacaan boleh dirujuk dalam **Lampiran**.

Domain Matematik pula terbahagi kepada lapan band, iaitu Band 2 dan ke bawah hingga Band 9 dan ke atas, yang merangkumi kemahiran asas seperti pengiraan nombor dan pengenalan bentuk, sehingga kepada keupayaan menyelesaikan masalah yang lebih kompleks termasuk pecahan, peratusan, penukaran unit serta mentafsir data. Pengelasan band ini penting bagi menilai tahap penguasaan murid serta merancang intervensi yang bersesuaian.


Tahap penguasaan minimum bagi kedua-dua domain diambil kira dari Band 5 dan ke atas, yang menunjukkan bahawa murid telah mencapai aras minimum yang diharapkan pada akhir peringkat sekolah rendah. Ini selaras dengan penetapan indikator SDG 4.1.1(b). Penerangan bagi setiap band domain Matematik boleh dirujuk dalam **Lampiran**.

Perbandingan keputusan SEA-PLM 2019 dan SEA-PLM 2024 menunjukkan penurunan pencapaian murid dalam kedua-dua domain Bacaan dan Matematik. Peratus murid yang berada pada Band 5 dan ke atas menurun daripada 76.7 peratus kepada 69.0 peratus bagi Bacaan, dan daripada 82.1 peratus kepada 73.5 peratus bagi Matematik. Pada masa yang sama, peratus murid yang berada pada Band 2 dan ke bawah meningkat daripada 4.6 peratus kepada 7.5 peratus bagi Bacaan, manakala bagi Matematik daripada 2.5 peratus kepada 4.4 peratus.

Rajah 1.3: Trend Purata Skor Malaysia bagi Domain Bacaan



Rajah 1.4: Trend Purata Skor Malaysia bagi Domain Matematik



1.5 Ekuiti Pendidikan: Jurang Status Sosioekonomi (SES), Jantina dan Lokasi


Ketidakseimbangan pencapaian pendidikan murid dikenal pasti berdasarkan tiga faktor utama iaitu status sosioekonomi (SES), jantina, dan lokasi. Ketiga-tiga dimensi ini sering berinteraksi dan memberi kesan kepada akses, peluang, dan hasil pembelajaran murid. Memahami jurang ini penting untuk merangka dasar dan strategi pendidikan yang inklusif dan adil, bagi memastikan tiada murid yang ketinggalan akibat latar belakang sosioekonomi, jantina, atau lokasi mereka.

a) Jurang SES

Status SES murid dalam SEA-PLM diukur berdasarkan tiga indikator utama iaitu:

- i. aset dan kemudahan di rumah seperti televisyen, komputer serta akses kepada elektrik dan air bersih;
- ii. tahap pendidikan dan jenis pekerjaan ibu bapa atau penjaga utama; dan
- iii. akses murid kepada sumber pendidikan di rumah termasuk bahan bacaan dan kemudahan pembelajaran seperti sambungan internet.


Analisis skor purata bagi domain Bacaan dan Matematik menunjukkan corak yang berbeza antara murid daripada kelompok SES rendah dan SES tinggi. Perbandingan antara SEA-PLM 2019 dengan SEA-PLM 2024 memperlihatkan perubahan dalam pencapaian setiap kelompok, sekali gus menonjolkan jurang prestasi yang masih wujud antara kedua-duanya.



Rajah 1.5: Trend Skor Purata Pencapaian Domain Bacaan dan Matematik mengikut SES


Murid daripada kelompok SES rendah mencatatkan penurunan skor purata sebanyak enam mata dalam domain Bacaan antara SEA-PLM 2019 dan SEA-PLM 2024. Bagi murid daripada kelompok SES tinggi, penurunan skor purata adalah lebih kecil iaitu sebanyak tiga mata.

Jurang perbezaan skor purata antara murid dalam kelompok SES tinggi dan SES rendah semakin melebar daripada 20 mata pada SEA-PLM 2019 kepada 23 mata pada SEA-PLM 2024.



Rajah 1.6: Jurang Pencapaian Domain Bacaan mengikut SES

Rajah 1.7: Jurang Pencapaian Domain Matematik mengikut SES.



Murid daripada kelompok SES rendah mencatatkan penurunan skor purata sebanyak enam mata dalam domain Matematik antara SEA-PLM 2019 dan SEA-PLM 2024. Sebaliknya, murid daripada kelompok SES tinggi menunjukkan penurunan skor purata yang lebih kecil, iaitu sebanyak dua mata. Jurang perbezaan skor purata antara kedua-dua kelompok SES semakin melebar, daripada 22 mata pada SEA-PLM 2019 kepada 26 mata pada SEA-PLM 2024.

Secara umumnya, kedua-dua domain menunjukkan ketidakseimbangan pencapaian yang akan diberi perhatian serius bagi memastikan peluang pembelajaran yang lebih saksama bagi semua murid.

Murid Berdaya Tahan Akademik (Resilien)

Murid resilien ialah murid yang mempunyai daya ketahanan diri tinggi untuk terus belajar, menyesuaikan diri dan mencapai kejayaan walaupun berdepan kesukaran seperti kekangan sosioekonomi, cabaran keluarga, atau kekurangan sumber pembelajaran. Data SEA-PLM menunjukkan 12 peratus murid berada dalam kelompok ini bagi domain Bacaan dan 11 peratus bagi domain Matematik. Namun begitu, kira-kira 30 peratus murid dari SES rendah menunjukkan kemampuan mereka untuk mencapai Band 5 dan ke atas dalam domain Bacaan dan Matematik.


Cadangan Dasar Intervensi Berdasarkan Jurang SES

Berdasarkan dapatan SEA-PLM 2024, jurang pencapaian antara murid berbeza status sosioekonomi masih ketara, khususnya dalam literasi dan numerasi. Namun, Malaysia juga memiliki asas kukuh untuk membina intervensi bersasar kerana terdapat kumpulan murid SES rendah yang menunjukkan daya tahan akademik yang tinggi.

Bagi mengurangkan jurang ini, akses kepada kemudahan pembelajaran perlu dipertingkatkan melalui prakarsa penyediaan peranti, capaian internet dan sumber pembelajaran interaktif di sekolah yang mempunyai ramai murid daripada kumpulan SES rendah. Langkah ini penting bagi memastikan semua murid memperoleh peluang pembelajaran yang setara tanpa mengira latar belakang keluarga atau lokasi sekolah.

Namun yang lebih penting ialah prakarsa pemimpin sekolah. Pemimpin sekolah perlu lebih cakna terhadap perkembangan setiap murid, khususnya dalam penguasaan asas membaca, menulis dan mengira, melalui program pemulihan, pemantauan berterusan dan sokongan intervensi awal.

Pada masa yang sama, guru perlu menguasai kaedah pengajaran asas literasi dan numerasi serta memperkukuh pemahaman konsep bacaan dan matematik secara mendalam. Pendekatan menyeluruh ini akan membantu menutup jurang pencapaian, memperkukuh daya tahan akademik murid SES rendah, dan memastikan setiap murid berpeluang mencapai potensi sepenuhnya.



Rajah 1.8: Hubungan Literasi Internet dengan Pencapaian dalam Domain Bacaan




Rajah 1.9: Hubungan Literasi Internet dengan Pencapaian dalam Domain Matematik


b) Jurang Jantina

Analisis pencapaian mengikut jantina dalam kajian SEA-PLM memberi gambaran tentang sejauh mana murid lelaki dan perempuan menguasai pembelajaran asas literasi dan numerasi. Perbandingan ini penting bagi menilai tahap kesaksamaan jantina dalam sistem pendidikan serta mengenal pasti pola perbezaan yang mungkin wujud dari segi pencapaian, minat, dan peluang pembelajaran.


Rajah 1.10: Pencapaian mengikut Jantina bagi Domain Bacaan




Rajah 1.11: Jurang Pencapaian antara Jantina dalam Domain Bacaan



Dapatan menunjukkan jurang pencapaian antara jantina dalam domain Bacaan pada SEA-PLM 2024 adalah sebanyak tujuh mata berbanding SEA-PLM 2019 sebanyak sembilan mata. Ini menunjukkan jurang jantina yang semakin mengecil.



Rajah 1.12: Pencapaian mengikut Jantina bagi Domain Matematik




Rajah 1.13: Jurang Pencapaian antara Jantina dalam Domain Matematik

Dalam domain Matematik, murid lelaki dan murid perempuan menunjukkan purata skor yang sama pada SEA-PLM 2024 berbanding pada SEA-PLM 2019 yang menunjukkan perbezaan sebanyak tiga mata.

Secara keseluruhan, purata kebangsaan bagi murid lelaki dan murid perempuan menunjukkan penurunan dalam kedua-dua domain Bacaan dan Matematik sebanyak tiga dan enam mata masing-masing.

Penurunan skor bagi kedua-dua jantina ini menunjukkan bahawa terdapat penurunan umum dalam prestasi Matematik murid, namun pada masa yang sama memperlihatkan kesetaraan pencapaian antara lelaki dan perempuan dalam tempoh tersebut. Ini mencerminkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran Matematik semakin memberikan peluang yang seimbang kepada kedua-dua jantina. Walau bagaimanapun peningkatan kualiti pembelajaran masih perlu diberi perhatian untuk meningkatkan prestasi keseluruhan.


Rajah 1.14: Perbezaan Peratus Pencapaian Lelaki dan Perempuan mengikut Band bagi Domain Bacaan



Rajah 1.14 memaparkan perbezaan ketara antara jantina dalam domain Bacaan. Murid perempuan jelas menguasai domain ini dengan 74.0 peratus berada pada Band 5 dan ke atas, manakala hanya 64.0 peratus murid lelaki mencapai tahap yang sama. Sebaliknya, peratus murid lelaki dalam band rendah (Band 2 dan ke bawah) ialah 9.6 peratus, iaitu hampir dua kali ganda berbanding 5.4 peratus bagi perempuan.

Jurang ini menunjukkan bahawa murid perempuan mempunyai kelebihan dalam kemahiran literasi, khususnya kefahaman bacaan dan kecekapan bahasa. Intervensi khusus kepada murid lelaki perlu dirancang, seperti aktiviti bacaan berasaskan minat dan strategi pengajaran yang lebih interaktif bagi meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka dalam pembelajaran bacaan.

Rajah 1.15: Perbezaan Peratus Pencapaian Lelaki dan Perempuan mengikut bagi Band Domain Matematik



Perbandingan antara pencapaian murid lelaki dan perempuan dalam domain Matematik agak unik. Walaupun secara keseluruhan peratus murid perempuan (75.0%) yang mencapai Band 5 dan ke atas mengatasi murid lelaki (72.1%), namun peratus murid lelaki lebih besar berada pada band lebih tinggi iaitu pada Band 8 (9.9%) dan 9 ke atas (7.5%) berbanding murid perempuan (8.9% dan 5.2%).

Namun, pada band paling rendah (Band 2 dan ke bawah), peratus murid lelaki juga lebih tinggi berbanding perempuan, menunjukkan kedua-dua murid lelaki dan perempuan masih ada yang memerlukan penguatkuasaan dalam asas numerasi. Dapatan ini menunjukkan terdapat keperluan intervensi pengajaran yang berbeza mengikut gaya pembelajaran jantina bagi memastikan penguasaan konsep matematik asas yang lebih menyeluruh.

Cadangan Dasar Intervensi Berdasarkan Jurang Jantina

Berdasarkan dapatan SEA-PLM 2024, perbezaan pencapaian antara murid lelaki dan murid perempuan masih wujud, khususnya dalam domain Bacaan. Oleh itu, dasar intervensi yang disyorkan adalah seperti yang berikut:

i. **Pemeriksaan Bacaan Bermakna bagi Murid Lelaki**

Murid lelaki didapati kurang cenderung terhadap aktiviti membaca, terutamanya bahan berbentuk naratif. Oleh itu, disarankan agar program

literasi memberi penekanan kepada bacaan bermakna melalui bahan non-fiksi yang bersifat informatif, autentik dan berkaitan dengan minat murid lelaki. Pendekatan ini diharap dapat meningkatkan motivasi membaca serta memperkukuh kemahiran kefahaman bacaan mereka.

ii. **Latihan Penaakulan Berstruktur bagi Murid Perempuan**

Untuk meningkatkan prestasi Matematik dalam kalangan murid perempuan, disyorkan pelaksanaan latihan penaakulan berstruktur yang menekankan kemahiran menyelesaikan masalah, berfikir secara logik dan membuat inferens. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkukuh kemahiran penaakulan serta keyakinan murid perempuan dalam domain Matematik.

c) **Jurang Lokasi**


Pencapaian murid dalam domain Bacaan dan Matematik diperincikan mengikut kategori lokasi tempat tinggal sama ada bandar atau luar bandar. Jurang lokasi juga memperlihatkan perubahan pencapaian antara SEA-PLM 2019 dan SEA-PLM 2024 bagi setiap kumpulan dan domain Bacaan.



Rajah 1.16: Trend Pencapaian antara Lokasi dalam Domain Bacaan

Rajah 1.16 menunjukkan skor purata murid dalam domain Bacaan menurun di bandar dan luar bandar antara tahun 2019 dan 2024. Prestasi murid bandar menurun dengan ketara daripada 321 kepada 315 (penurunan 6 mata skor), manakala prestasi murid luar bandar juga menunjukkan penurunan iaitu sebanyak lima mata skor, daripada 317 mata pada tahun 2019 kepada hanya 312 mata pada tahun 2024.

Rajah 1.17: Trend Pencapaian antara Lokasi dalam Domain Matematik



Rajah 1.17 menunjukkan skor purata murid dalam domain Matematik juga menurun di bandar dan luar bandar antara tahun 2019 dan 2024. Prestasi murid bandar menurun dengan ketara daripada 319 kepada 312 (penurunan tujuh mata skor), manakala prestasi murid luar bandar menunjukkan penurunan kecil iaitu sebanyak dua mata skor, daripada 310 mata pada tahun 2019 kepada hanya 308 mata pada tahun 2024.

Trend ini menunjukkan bahawa murid di bandar lebih terkesan akibat gangguan pembelajaran semasa pandemik COVID-19. Ini berkemungkinan disebabkan pelebaran jurang SES selepas pandemik lebih memberi kesan di kawasan bandar berbanding luar bandar. Walaupun begitu, prestasi murid luar bandar bagi kedua-dua domain kekal rendah daripada bandar. Keadaan ini menuntut intervensi bersasar untuk memperkukuh prasarang dan keupayaan guru di kawasan luar bandar bagi menutup jurang pencapaian selepas pandemik.

Cadangan Dasar Intervensi Berdasarkan Lokasi

Sistem Jejak Kemajuan Murid Berasaskan Data Lokasi

Idea utama: Mewujudkan sistem penjejakan prestasi murid yang menggabungkan data pencapaian akademik dengan data geolokalti dan sosioekonomi.


- Data ini membolehkan kementerian mengenal pasti kelompok sekolah berisiko pencapaian rendah secara mikro (contohnya kluster luar bandar tertentu).
- Setiap kluster mendapat rancangan intervensi terbeza, misalnya, modul literasi kontekstual yang disesuaikan dengan dialek tempatan atau sumber setempat.
- Analisis masa sebenar boleh memantau keberkesanan intervensi dan pengagihan sumber secara dinamik.

1.6 Dimensi Kontekstual yang Mencorak Pembelajaran: Murid, Ibu Bapa, Guru dan Sekolah

Pentaksiran kognitif yang merangkumi tiga domain utama, iaitu Matematik, Bacaan dan Penulisan, dilengkapi dengan pelaksanaan soal selidik SEA-PLM 2024, yang membuka ruang untuk memahami pendidikan secara menyeluruh. Instrumen ini merangkumi empat soal selidik iaitu Soal Selidik Murid, Soal Selidik Ibu Bapa, Soal Selidik Guru dan Soal Selidik Sekolah. Melalui soal selidik ini, data yang dianalisis akan membantu memperkukuh dasar dan amalan pendidikan agar lebih inklusif, relevan dan berkesan.



Rajah 1.18: Hubungan antara Sikap dan Motivasi terhadap Bacaan dan Pencapaian Murid



Rajah 1.19: Hubungan antara Sikap dan Motivasi terhadap Matematik dan Pencapaian Murid

a) Sikap dan Motivasi Murid

Ramai murid menumpukan pembelajaran mereka semata-mata untuk memenuhi keperluan peperiksaan, bukan kerana minat atau rasa ingin tahu. Keadaan ini menimbulkan cabaran dalam usaha membina pengalaman pembelajaran yang lebih mendalam, kreatif dan berterusan.

Dapatan soal selidik menunjukkan murid secara umumnya mempunyai minat dan keyakinan yang tinggi terhadap pembelajaran. Sebanyak 72 peratus murid menyatakan mereka suka membaca, manakala 68 peratus mahu lebih masa untuk membaca, menunjukkan ramai murid berminat untuk mendalami ilmu melalui aktiviti membaca.


Sebanyak 71 peratus murid seronok belajar matematik dan 73 peratus berasakan matematik adalah mudah, menandakan murid bukan sahaja berminat tetapi juga bermotivasi dalam mata pelajaran ini.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan tujuh daripada 10 murid Tahun 5 mempunyai motivasi yang baik untuk belajar literasi dan numerasi asas. Nisbah yang sama dilihat pada murid yang mencapai sekurang-kurangnya Band 5, iaitu yang melepasi tahap penguasaan minimum domain Bacaan dan Matematik.


b) Sokongan Ibu Bapa

Dapatan soal selidik menunjukkan pelibatan ibu bapa atau penjaga berkaitan dengan kerja rumah murid masih berpotensi untuk ditambah baik. Sebanyak 55 peratus murid berbincang tentang kerja rumah dengan ibu bapa mereka, 57 peratus murid menerima bantuan daripada ibu bapa atau penjaga semasa menyiapkan kerja rumah, manakala 61 peratus murid menyatakan ibu bapa atau penjaga memastikan mereka menyiapkan kerja rumah.

Sokongan dan pengawasan ibu bapa memainkan peranan penting dalam membantu murid menyiapkan kerja rumah. Interaksi berbentuk perbincangan dan bimbingan bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap pembelajaran, tetapi juga berpotensi membentuk tabiat belajar yang positif dan berdisiplin di rumah.



Rajah 1.20: Peratus Sokongan Ibu Bapa dalam Pembelajaran Anak



Rajah 1.21: Hubungan antara Tahap Pendidikan Tertinggi yang Diharapkan oleh Ibu Bapa dengan Pencapaian Anak dalam Bacaan dan Matematik.


Rajah 1.21 menunjukkan hubungan antara tahap pendidikan tertinggi yang diharapkan oleh ibu bapa untuk anak mereka dan pencapaian murid dalam Bacaan dan Matematik. Secara keseluruhan, data menunjukkan pola yang konsisten iaitu semakin tinggi tahap pendidikan yang diharapkan oleh ibu bapa, semakin tinggi pencapaian murid.

Murid yang datang daripada keluarga dengan harapan pendidikan tinggi, khususnya yang berharap anak mencapai Ijazah Sarjana Muda atau lebih tinggi, mencatatkan skor tertinggi dalam kedua-dua domain (Matematik-317; Bacaan-312). Sementara itu, murid yang berasal daripada keluarga dengan harapan pendidikan lebih rendah, seperti hanya menamatkan pendidikan pada peringkat rendah atau menengah rendah memperlihatkan skor yang lebih rendah (sekitar 297 hingga 304).

Dapatan ini secara jelas menegaskan bahawa aspirasi pendidikan ibu bapa memainkan peranan penting dalam prestasi akademik murid. Ibu bapa yang mempunyai jangkaan lebih tinggi cenderung menyediakan sokongan pembelajaran yang lebih kukuh, mendorong motivasi anak, dan mewujudkan budaya rumah yang lebih menekankan kepentingan pendidikan.

c) Kepimpinan Sekolah dan Guru

Kesemua Guru Besar melaporkan bahawa pencerapan dilaksanakan oleh Guru Besar atau Guru Penolong Kanan, menunjukkan peranan pihak kepimpinan sekolah dalam menilai pengajaran guru. Selain itu, 80 peratus guru menerima ulasan daripada rakan sekerja, menandakan amalan penilaian kolaboratif dalam kalangan guru semakin meluas. Sebanyak 57 peratus Guru Besar melaporkan bahawa guru telah dinilai melalui pencerapan oleh nazir atau pegawai luar.



Rajah 1.22: Peratus Pencerapan ke atas Guru.

Analisis menunjukkan pola yang konsisten iaitu sekolah yang melaporkan tahap sikap positif guru “Banyak” mempunyai skor pencapaian murid yang lebih tinggi, manakala sekolah yang berada pada kategori “Sedikit” menunjukkan skor yang lebih rendah merentasi semua indikator.

Lima indikator sikap guru yang dinilai ialah:

- i. Guru mempunyai sikap yang positif terhadap sekolah.
- ii. Guru berasakan diri mereka sebahagian daripada komuniti sekolah.
- iii. Guru mempunyai semangat yang tinggi.
- iv. Guru bekerja dengan penuh minat.
- v. Guru berbangga dengan sekolah.

Dalam kedua-dua rajah (Rajah 1.23 dan Rajah 1.24), jurang skor antara kategori “Banyak” dan “Sedikit” adalah konsisten dan signifikan, dengan kelebihan jelas kepada sekolah yang mempunyai tahap sikap guru yang positif. Ini menunjukkan bahawa iklim profesional yang kondusif, pelibatan guru yang kukuh, dan hubungan interpersonal di sekolah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi prestasi murid.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa sikap positif guru bukan sahaja merupakan faktor mempengaruhi iklim sekolah, tetapi juga faktor terhadap prestasi murid dalam pembelajaran asas.

Dapatan menunjukkan bahawa sikap positif guru ialah komponen utama yang memacu pencapaian murid dalam literasi dan numerasi. Peranan guru sebagai pendorong utama pengalaman pembelajaran murid menjadikan aspek motivasi, rasa memiliki, dan kepuasan kerja sebagai elemen penting yang perlu diperkukuh secara berterusan. Melalui sokongan kepimpinan sekolah dan persekitaran kerja yang kondusif, sekolah dapat membina ekosistem pembelajaran yang lebih berkesan dan inklusif.

d) Kesejahteraan Guru : Guru yang Berdaya Tahan Merupakan Nadi Pemulihan

Guru bukan sekadar penyampai ilmu, tetapi nadi yang menggerakkan pendidikan. Kesejahteraan guru merangkumi aspek fizikal, emosi, sosial dan profesional menentukan sejauh mana mereka mampu memberi inspirasi kepada murid. Guru yang sejahtera bermakna bilik darjah yang lebih bertenaga, murid lebih terarah, dan

Rajah 1.23: Hubungan Sikap Positif Guru dengan Pencapaian Murid dalam Bacaan





Rajah 1.24: Hubungan Sikap Positif Guru dengan Pencapaian Murid dalam Matematik

pendidikan lebih bermutu. Perhatian yang diberikan kepada kesejahteraan guru hari ini, berupaya melakar kejayaan pendidikan masa depan.

Rajah 1.25 memaparkan dapatan soal selidik yang diisi oleh guru Tahun 5 mengenai kesejahteraan emosi, semangat dan sokongan yang mereka terima di tempat kerja. Data menunjukkan gambaran kesejahteraan guru Tahun 5 di Malaysia.

Elemen kesejahteraan guru yang dijawab sendiri oleh mereka ialah:

- Saya mendapat kepuasan apabila dapat membantu murid saya belajar (100%)
- Saya seronok menjadi seorang guru (99.1%)
- Saya mendapat sokongan yang baik daripada komuniti sekolah saya (98.0%)
- Saya sentiasa bersemangat untuk datang mengajar di sekolah setiap hari (97.9%)
- Guru-guru di sekolah saya diberikan gaji yang baik (97.1%)
- Sekolah saya memberikan masa yang cukup untuk saya membuat persediaan ke kelas (96.1%)
- Sekolah saya menyediakan sumber yang cukup untuk membolehkan saya mengajar dengan baik (90.4%)

Secara keseluruhan, walaupun majoriti guru kekal bermotivasi, terdapat antara empat hingga 10 peratus yang berasa mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk persediaan ke kelas dan berasa sekolah tidak menyediakan sumber yang cukup untuk mereka mengajar dengan lebih baik. Ini menegaskan keperluan intervensi sistemik bagi menyokong kesejahteraan guru dalam konteks pengajaran Tahun 5.


Struktur kepimpinan sekolah yang menyokong merupakan elemen penting dalam meningkatkan kesejahteraan guru, terutama melalui amalan kepimpinan berasaskan empati dan komunikasi terbuka. Pengetua atau guru besar yang mengamalkan kepimpinan empati bukan sahaja mendengar pandangan guru, tetapi turut mengambil langkah proaktif menyemak jadual, menilai beban tugas secara berkala, dan memastikan tugas diagihkan dengan lebih seimbang.

Pada masa yang sama, komunikasi dua hala perlu diperkukuh agar guru berasa selamat melaporkan isu kesejahteraan, sama ada berkaitan tekanan kerja, kesihatan emosi,

atau cabaran pengurusan kelas, tanpa bimbang terhadap implikasi negatif. Apabila hubungan antara pentadbir dan guru dibina atas dasar saling percaya, sokongan dan kejelasan, sekolah dapat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif, stabil dan berdaya tahan untuk semua warga pendidik.

Dapatan soal selidik dalam Rajah 1.25 menunjukkan bahawa guru Tahun 5 umumnya mempunyai motivasi kerja yang tinggi, namun mereka turut berhadapan dengan cabaran kesejahteraan seperti beban kerja, kekangan masa, serta gejala tekanan emosi dan fizikal. Intervensi yang terancang dan bertumpu perlu dilaksanakan agar guru dapat mengekalkan kesihatan mental, fizikal, dan profesionalisme, seterusnya memastikan pembelajaran murid berlangsung dalam keadaan optimum.

Rajah 1.25: Kesejahteraan Guru Tahun 5



1.7 Rumusan dan Arah Tujuan Dasar

SEA-PLM 2024 bukan sekadar pentaksiran terhadap murid, tetapi cerminan terhadap keseluruhan sistem pendidikan. Melangkaui angka dan skor, dapatan kajian membuka ruang refleksi mendalam terhadap keberkesanan dasar, amalan pengajaran serta kesejahteraan ekosistem sekolah. Hasil penilaian ini menyerlahkan keperluan untuk memperkukuh usaha memperkasakan murid secara holistik, selaras dengan aspirasi pendidikan negara bagi melahirkan generasi berilmu, berdaya saing dan sejahtera dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Penambahbaikan berasaskan data menjadi tonggak utama dalam usaha meningkatkan kualiti pembelajaran. Dapatan SEA-PLM 2024 wajar dimanfaatkan sebagai panduan kepada intervensi bagi merancang strategi pembelajaran secara lebih tepat serta kontekstual. Data tidak hanya berfungsi sebagai laporan, tetapi sebagai alat diagnostik yang membantu mengenal pasti jurang pencapaian, menilai keberkesanan program dan menyesuaikan tindakan supaya setiap murid memperoleh peluang pembelajaran yang adil dan bermakna.

Seterusnya, kejayaan penambahbaikan bergantung pada guru dan pemimpin sekolah sebagai teras perubahan. Kualiti pengajaran, bimbingan dan kepimpinan di lapangan menentukan sama ada dasar diterjemahkan menjadi impak sebenar. Guru yang diberi kepercayaan, ruang profesional dan sokongan berterusan akan melahirkan murid yang bukan sahaja tahu, tetapi juga mampu berfikir dan bertindak.

Fokus terakhir tertumpu kepada kekuatan komuniti sebagai tunjang kelestarian. Pendidikan yang bermutu memerlukan sokongan menyeluruh daripada ibu bapa, komuniti tempatan, NGO dan rakan strategik. Apabila sokongan belajar diperluas ke luar pagar sekolah, terbentuklah ekosistem pendidikan yang hidup, saling menyokong dan berdaya tahan. Di sinilah pendidikan menjadi tanggungjawab bersama dan kejayaan murid menjadi kejayaan masyarakat secara keseluruhannya.



Rajah 1.26: Empat fokus penambahbaikan yang perlu diberi perhatian hasil dapatan SEA-PLM 2024.





BAB 2

Jejak Pasca Pandemi: Cabaran Besar Kohort COVID-19

Pandemik meninggalkan kesan mendalam pada dunia pendidikan. Di Malaysia, cabaran bermula pada tahun 2020, menyaksikan anak-anak yang baru mengenal bangku persekolahan di Tahun 1 terpaksa menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Bukan sebulan dua, tetapi hampir dua tahun! Ini bermakna selama tempoh itu (dari awal tahun 2020 hingga akhir tahun 2021) mereka hanya bersekolah di rumah, sama ada menggunakan peranti digital atau hanya menerima lembaran kerja yang ditinggalkan oleh guru di sekolah.

2.1 Pendahuluan


Pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020 telah mengubah landskap pendidikan global secara drastik. Di Malaysia, kesannya amat ketara terhadap murid yang memulakan persekolahan pada tahun tersebut. Mereka bukan sekadar menghadapi perubahan rutin harian, tetapi juga pengalaman getir dalam membina asas literasi dan numerasi; dua kemahiran teras yang menjadi penentu kejayaan pembelajaran sepanjang hayat.

Bagi kumpulan murid ini, tahun pertama dan kedua persekolahan diwarnai dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) selama kira-kira 18 bulan atau setahun setengah. Dalam tempoh itu, sebahagian besar interaksi berlaku melalui platform digital, manakala sebahagian lagi hanya menerima bahan bertulis yang dihantar oleh guru ke rumah atau diambil di sekolah. Tempoh ini mewujudkan satu kumpulan unik yang dikenali sebagai “Kohort COVID”. Mereka ialah generasi yang menempuh zaman awal persekolahan dalam krisis pandemik global.

2.2 Garis Masa Adaptasi Pembelajaran

Sekitar tahun 2020 hingga 2021, hampir semua sekolah di Malaysia ditutup sepenuhnya atau beroperasi secara terhad susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mencegah penularan wabak COVID-19. Bagi kohort murid yang menyertai SEA-PLM 2024, mereka berada dalam Tahun 1 dan Tahun 2, iaitu peringkat asas yang amat penting bagi membentuk kemahiran penguasaan membaca, menulis dan mengira (3M) yang menjadi tunjang kepada penguasaan literasi dan numerasi awal murid.

Sekolah hanya kembali beroperasi sepenuhnya bagi kohort ini, khususnya bagi murid Tahap 1 pada tahun 2022. Sebelum pentaksiran SEA-PLM 2024 dijalankan, murid hanya mempunyai dua tahun setengah bagi pemulihan pembelajaran dan cakupan kurikulum yang sempurna. Tempoh dua tahun setengah merupakan satu tempoh yang sangat terhad untuk membina semula kemahiran asas murid yang tidak menentu.



Rajah 2.1: Garis Masa Adaptasi Pembelajaran Kohort Covid.

Tempoh PdPR Malaysia antara yang paling lama di Asia Tenggara iaitu dianggarkan 48–54 minggu berbanding purata serantau 33 minggu (UNESCO, 2023).

Sumber: UNESCO Global Monitoring Report (2023).

2.3 Kesan terhadap Pencapaian SEA-PLM 2024

Dapatan awal SEA-PLM 2024 memperlihatkan bahawa gangguan akibat pandemik memberi kesan langsung terhadap pencapaian murid Malaysia. Antara faktor utama penyumbang kepada kemerosotan ini ialah:



1. Kehilangan masa instruksional dan interaksi langsung murid-guru yang terhad.



2. Jurang digital yang menyebabkan PdPR secara dalam talian tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh.



3. Kekurangan bimbingan dan kawalan pembelajaran di rumah.



4. Kurangnya sokongan pengukuhan literasi dan numerasi dan penilaian berterusan di rumah yang menyebabkan kemahiran asas tidak berkembang dengan stabil.

Bagi Malaysia yang mengekalkan dasar tanpa pengulangan tahun, jurang pencapaian dalam negara semakin melebar dengan peratusan murid berpencapaian rendah semakin meningkat dan peratusan murid yang berpencapaian tinggi semakin menurun.

Perubahan Peratus Pencapaian Rendah dan Tinggi dalam Domain Bacaan dan Matematik: Perbandingan Tahun 2024 dengan 2019

Domain	Perbezaan Peratus Murid Berpencapaian Rendah (Band 2 dan ke bawah)			Perbezaan Peratus Murid Berpencapaian Tinggi (Band 5 dan ke atas)		
	2019	2024	Beza	2019	2024	Beza
Bacaan	4.6	7.5	2.9	76.6	69.0	-7.6
Matematik	2.5	4.4	1.9	82.0	73.5	-8.5

Jadual 2.1: Perubahan Peratus Pencapaian Rendah dan Tinggi dalam Domain Bacaan dan Matematik: Perbandingan Tahun 2024 dengan 2019.

Pelebaran jurang pencapaian antara murid yang mempunyai latar belakang SES yang lebih rendah di antara tahun 2019 dan 2024 juga menunjukkan kesan pandemik lebih memberi impak kepada kumpulan ini. Kekurangan akses kepada kemudahan pembelajaran semasa PdPR seperti peranti digital dan talian internet menjadikan pengalaman pembelajaran di rumah selama 18 bulan menjadi halangan kepada pencapaian optimum dalam literasi asas kohort ini.

Perbezaan Skor Purata Pencapaian dalam Domain Bacaan dan Matematik Berdasarkan Latar Belakang SES


Domain	Skor purata pencapaian bagi SES Tinggi		Skor purata pencapaian bagi SES Rendah		Jurang skor purata pencapaian dalam domain berdasar latar belakang SES (2019 - 2024)	
	2019	2024	2019	2024	SES Tinggi	SES Rendah
Bacaan	328	325	308	302	3	6
Matematik	325	323	303	297	2	6

Jadual 2.2: Perbezaan Skor Purata Pencapaian dalam Domain Bacaan dan Matematik Berdasarkan Latar Belakang SES.

Jurang skor purata (2019 - 2024) antara murid SES tinggi adalah lebih kecil (2-3 mata skor) berbanding SES rendah (6 mata skor) bagi bagi kedua-dua domain. Ini menunjukkan pandemik COVID-19 lebih memberi kesan kepada murid SES rendah berbanding SES tinggi.

Murid yang mempunyai latar belakang SES yang tinggi lebih berpeluang untuk mempunyai peranti digital yang sesuai untuk belajar dalam talian semasa PdPR. Kumpulan murid yang tidak menghadapi masalah langsung berkaitan prasarana (peranti dan internet) memperoleh purata skor 11 mata lebih tinggi dalam Matematik dan 10 mata dalam Bacaan berbanding murid yang mempunyai masalah prasarana. Hanya 2.5 peratus murid yang tidak mempunyai masalah langsung dengan prasarana berbanding 31 peratus yang mempunyai banyak masalah prasarana menurut persepsi Guru Besar.

Perbezaan Skor bagi Murid Berdasarkan Kemudahan Prasarana Digital: Kesediaan untuk Pembelajaran dalam Talian semasa PdPR



Rajah 2.3: Perubahan Peratus Pencapaian Rendah dan Tinggi dalam Domain Bacaan dan Matematik: Perbandingan Tahun 2024 dengan 2019.

2.4 Sorotan Data Serantau: Dasar Pengulangan Tahun Serantau SEA-PLM 2024

Analisis SEA-PLM 2024 menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar tanpa pengulangan tahun di Malaysia berkait dengan penurunan skor purata serta peningkatan varians antara kumpulan murid berprestasi tinggi dan rendah. Sebagai perbandingan, negara yang mengamalkan dasar pengulangan terhad (targeted repetition) dengan kadar pengulangan sehingga 37 peratus menunjukkan corak pencapaian yang lebih stabil dalam kalangan murid Tahun 5.

Peratus Murid Mengulang Satu Gred di Negara Peserta SEA-PLM 2024

Negara	Kadar Pengulangan Satu Gred (%)	Kumpulan Berpencapaian Band 6 dan ke atas (%)		Kumpulan Berpencapaian Band 3 – 5 (%)		Kumpulan Berpencapaian Band 2 dan ke bawah (%)	
		Bacaan	Matematik	Bacaan	Matematik	Bacaan	Matematik
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
Filipina	27.9	14	26	58	41	27	33
Kemboja	37.3	18	40	65	41	17	20
Lao PDR	30.9	4	17	48	34	48	49
Malaysia	n.a.	49	53	44	35	7	12
Myanmar	20.2	31	51	61	36	8	13
Vietnam	8.9	66	88	33	10	1	2

Jadual 2.3: Peratus Murid Mengulang Satu Gred di Negara Peserta SEA-PLM 2024.

Negara yang mengekalkan dasar tiada pengulangan seperti Malaysia menunjukkan jurang pencapaian yang lebih luas berbanding negara yang menggunakan pengulangan bersasar untuk memulihkan penguasaan asas murid.

Keputusan Malaysia untuk mengekalkan dasar tiada pengulangan tahun berasaskan pertimbangan kemanusiaan bagi mengurangkan tekanan psikologi terhadap murid dan memastikan mereka terus bersama-sama rakan sebaya.

Namun, pendekatan ini juga membawa kesan tidak langsung terhadap pencapaian akademik seperti berikut:

- murid yang lemah dalam asas literasi dan numerasi tetap naik ke tahun berikutnya walaupun belum menguasai kompetensi minimum;
- guru perlu mengendalikan kelas yang amat heterogen, dengan julat keupayaan yang sangat luas; dan
- fokus pengajaran terpaksa diagih antara pengayaan murid cemerlang dan pengukuhan asas murid lemah.

Antara Kenaikan Automatik dan Pengulangan Bersasar: Bagaimanakah Negara Serantau Menangani Kesan Pembelajaran Pasca COVID-19 ?

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan mendalam terhadap kesinambungan pembelajaran murid di rantau Asia Tenggara. Dalam tempoh pemulihan selepas pandemik, negara serantau mengambil pendekatan yang berbeza untuk menyeimbangkan antara keperluan kemajuan murid dan usaha memulihkan kemahiran

asas yang terjejas. Dapatan SEA-PLM 2024 menunjukkan bahawa perbezaan dasar pengulangan tahun memberi kesan langsung terhadap struktur umur, kadar pengulangan, dan pola pencapaian murid Tahun 5.

Perbandingan data SEA-PLM 2024 menunjukkan bahawa dasar pengulangan tahun memberi kesan yang berbeza terhadap umur purata murid dan keseragaman pencapaian di setiap negara.

Malaysia mengekalkan umur purata yang stabil iaitu 11.3 tahun tanpa rekod pengulangan gred berikutan dasar kenaikan automatik yang diteruskan sepanjang tempoh pandemik. Pendekatan ini bertujuan mengurangkan tekanan emosi dan memastikan murid kekal bersama-sama rakan sebaya, namun dapatan menunjukkan wujud jurang pencapaian yang semakin melebar antara kumpulan murid berprestasi tinggi dan rendah, khususnya dalam kemahiran literasi dan numerasi asas.

Sebaliknya, Vietnam menunjukkan penurunan umur purata kepada 10.8 tahun dengan peningkatan kadar pengulangan sebanyak 2.4 peratus, menandakan pelaksanaan intervensi bersasar selepas pandemik. Hanya murid yang dikenal pasti mempunyai kelemahan ketara dibenarkan mengulang bagi memperkukuh penguasaan asas sebelum melangkah ke gred seterusnya. Pendekatan ini berjaya mengekalkan keseimbangan antara kemajuan murid dan pemulihan pembelajaran.

Sementara itu, Kemboja melaksanakan dasar pengulangan meluas iaitu sebanyak 37.3%, walaupun umur purata murid menurun sedikit. Strategi ini memberi penekanan kepada penguasaan sebenar sebelum kenaikan tahun, menghasilkan pencapaian yang lebih sekata dalam kalangan murid, namun dengan kos masa persekolahan yang lebih panjang dan berpotensi memberi implikasi terhadap motivasi murid.

Secara keseluruhan, dapatan serantau ini menunjukkan bahawa negara yang mengekalkan dasar tanpa pengulangan sepenuhnya seperti Malaysia cenderung berdepan dengan cabaran pelebaran jurang pencapaian. Sebaliknya, negara yang memperkenalkan pengulangan terhad atau bersasar menunjukkan pencapaian yang lebih seimbang dalam kalangan murid Tahun 5. Oleh itu, Malaysia perlu menumpukan kepada intervensi pemulihan yang bertumpu bagi mengukuhkan kemahiran literasi dan numerasi asas murid.

2.5 Perbandingan Global: Cerminan daripada PISA dan TIMSS

Kesan pandemik terhadap prestasi pembelajaran tidak terhad kepada SEA-PLM sahaja. Kajian antarabangsa seperti PISA 2022 dan TIMSS 2023 turut menunjukkan penurunan skor kecekapan murid di seluruh dunia seperti jadual 2.4:

Dapatan ini menunjukkan bahawa kesan pandemik terhadap pembelajaran bukan isu lokal tetapi **fenomena global** yang menuntut pendekatan pemulihan berskala besar.

Perbandingan Trend Prestasi Global dan Malaysia dalam Pentaksiran Antarabangsa

Pentaksiran	Domain Terjejas	Trend Global	Catatan Malaysia
PISA 2022	Bacaan & Matematik	Skor bacaan global menurun~10 mata, matematik ~15 mata	Penurunan ketara dan masih di bawah purata OECD.
TIMSS 2023	Matematik & Sains (Tingkatan 2)	Skor global jatuh purata 8-10 mata	Penurunan ketara dengan peningkatan jurang status sosioekonomi melebar.
SEA-PLM 2024	Literasi & Numerasi (Tahun 5)	Penurunan serantau ketara berbanding 2019	Sedikit penurunan. Penutupan kelas sehingga 18 bulan memberi kesan signifikan.

Jadual 2.4: Perbandingan Trend Prestasi Global dan Malaysia dalam Pentaksiran Antarabangsa

2.6 Daya Tahan dan Tindakan Pemulihan

Walaupun berdepan cabaran besar, sistem pendidikan Malaysia menunjukkan daya tahan yang tinggi melalui pelbagai prakarsa pemulihan pascapandemik. Antara program yang memainkan peranan penting adalah seperti berikut:

- **Rancangan Literasi dan Numerasi (PLaN)** – memperkukuh penguasaan asas murid sekolah rendah;
- **Modul Bimbingan Intervensi Murid (MOBIM)** – membantu guru mengenal pasti dan menangani kelemahan individu;
- **Program Bantu Baca** – menyokong murid yang tidak boleh membaca pasca pandemik; dan
- **Prakarsa di bawah Teras 4 Rangka Tindakan Centre of Excellence (CoE)** – menyelaras intervensi literasi dan numerasi berimpak tinggi.

Usaha bersepadu ini menunjukkan komitmen berterusan KPM untuk menyusun semula strategi pembelajaran asas, bukan sekadar mengejar semula kandungan yang tertinggal, tetapi juga membina sistem pendidikan yang lebih tangkas dan inklusif untuk menghadapi cabaran masa depan.

Pandemik bukan sekadar menghentikan sesi persekolahan, malah meninggalkan “parut pembelajaran” yang memerlukan masa, strategi dan keazaman kolektif untuk dipulihkan.

SEA-PLM 2024 menjadi cerminan kepada kesan jangka panjang ini, bukan untuk memberikan alasan, tetapi sebagai asas bagi tindakan seterusnya.

Dalam konteks yang lebih luas, krisis ini menjadi pemangkin kepada pembaharuan: mempercepat transformasi digital, memperkukuh pendekatan pedagogi berbeza, dan mengembalikan semangat kolaborasi antara guru, ibu bapa, dan komuniti.

2.7 Kesimpulan

Bab ini menyorot realiti getir yang dihadapi oleh generasi pasca pandemik, iaitu generasi yang terpaksa belajar tanpa bilik darjah, tetapi masih membawa harapan untuk bangkit. Dapatan SEA-PLM 2024 bukan sekadar angka, tetapi cerminan ketahanan sistem pendidikan negara. Langkah seterusnya adalah memastikan setiap dasar dan program pemulihan benar-benar dapat mengembalikan keyakinan murid seterusnya mengukuhkan asas literasi dan numerasi agar tiada anak Malaysia yang ketinggalan.



BAB 3

Suara Pelbagai Bahasa: Dinamik Empat Bahasa Pengantar

Empat bahasa pengantar mempamerkan citra sistem pendidikan Malaysia. Namun di sebalik kepelbagaian ini, dapatan membuktikan ada cabaran besar yang sentiasa menghambat kemajuan anak-anak, terutamanya bagi murid yang bersekolah dengan bahasa pengantar yang berbeza dengan bahasa di rumah. Isu ini mungkin dianggap terencil, namun data menunjukkan impak yang besar terhadap literasi asas dan seterusnya masa hadapan mereka.

3.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan Malaysia dicirikan oleh wajah unik yang dibentuk oleh empat bahasa pengantar utama: Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, dan Bahasa Inggeris. Kepelbagaian ini mencerminkan realiti masyarakat majmuk yang kaya dengan warisan linguistik dan budaya. Namun, di sebalik kekuatan ini, terselit cabaran besar dalam memastikan semua murid mencapai tahap penguasaan asas yang setara, terutamanya dalam literasi dan numerasi (OECD, 2022; UNESCO, 2025).

SEA-PLM 2024 dapat memberi gambaran mendalam mengenai hubungan bahasa di rumah dengan bahasa pengantar di sekolah (atau hubungan bahasa rumah-sekolah) mempengaruhi prestasi murid sekolah rendah di seluruh negara (World Bank, 2021).


Empat Bahasa Pengantar dalam Sistem Sekolah Rendah di Malaysia



Rajah 3.1: Empat Bahasa Pengantar dalam Sistem Sekolah Rendah di Malaysia

3.2 Landskap Pendidikan Berbilang Bahasa di Malaysia

Malaysia merupakan satu-satunya negara di rantau Asia Tenggara yang mengekalkan empat bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan rendah (UNESCO, 2025). Polisi ini membantu memelihara kepelbagaian bahasa dan budaya; namun, pada masa yang sama, mewujudkan cabaran dan jurang halus apabila berlaku ketidakselarasan antara bahasa di rumah dengan bahasa yang digunakan di sekolah (OECD, 2022).



Rajah 3.2: Peratus Bahasa Perantara yang Digunakan dalam Kajian SEA-PLM 2024.

Majoriti murid di Malaysia bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Jumlah ini melibatkan 71 peratus daripada keseluruhan murid yang menjawab ujian dalam bahasa Melayu. Sebanyak 10 peratus murid telah mengambil ujian dalam bahasa Inggeris iaitu yang bersekolah di sekolah yang melaksanakan Dual Language Program (DLP) dan sekolah swasta yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar PdP bahasa atau matematik.

Sebanyak 17 peratus murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, menjawab dalam bahasa Cina manakala dua peratus murid sampel di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar menjawab dalam bahasa Tamil.


3.3 Dapatan SEA-PLM 2024: Imbangan Antara Kekuatan dan Jurang

a) Fenomena “Padan vs Tidak Padan”

Dapatan kajian SEA-PLM yang meneliti hubungan antara bahasa di rumah dan bahasa pengantar sekolah menunjukkan bahawa murid yang tidak menggunakan bahasa pengantar sekolah sebagai bahasa komunikasi utama di rumah mencatat skor literasi yang signifikan lebih rendah (World Bank, 2021; OECD, 2022).


Murid yang belajar dalam bahasa yang sama seperti di rumah (linguistic match) didapati memperoleh skor pencapaian yang jauh lebih tinggi. Sebaliknya, murid yang belajar dalam bahasa yang berbeza (linguistic mismatch) menghadapi cabaran berganda iaitu mereka perlu menguasai kandungan kurikulum serentak dengan menyesuaikan diri kepada bahasa pengantar baharu (World Bank, 2021). Ketidakerasian linguistik ini merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada ketidakseimbangan pencapaian akademik nasional (OECD, 2022).

Rajah 3.3: Perubahan Peratus Pencapaian Rendah dan Tinggi dalam Domain Bacaan dan Matematik: Perbandingan Tahun 2024 dengan 2019.




Rajah 3.3 di atas menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan Sepadan (bahasa pengantar sepadan dengan bahasa di rumah) mencatatkan peratusan pencapaian yang lebih tinggi merentas semua band berbanding murid Tidak Sepadan. Jurang paling ketara muncul pada band tertinggi, di mana murid Sepadan mencapai 55.0 peratus, manakala Tidak Sepadan hanya sekitar 4.0 peratus. Ini menunjukkan bahawa kesepadanan bahasa membantu murid memahami isi pelajaran dengan lebih baik dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mencapai band prestasi yang lebih tinggi.


Rajah 3.4: Peratus Pencapaian Domain Matematik yang Menjawab dalam Bahasa yang Sepadan dan Tidak Sepadan dengan bahasa di Rumah.



Rajah 3.4 pula memperincikan pola pencapaian mengikut aras matematik. Murid Sepadan berada pada tahap pencapaian yang lebih baik, khususnya pada aras tinggi (Band 5 ke atas) iaitu dengan peratusan yang lebih besar berbanding murid Tidak Sepadan. Secara keseluruhan, kedua-dua graf menunjukkan bahawa keserasian bahasa antara di rumah dan di sekolah memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran Matematik, serta membantu mengurangkan risiko murid terperangkap dalam aras prestasi rendah.



Rajah 3.5: Perbezaan Peratus Pencapaian Prestasi Tinggi (Band 5 dan ke atas) dengan Prestasi Rendah (Band 2 dan ke bawah) bagi Kumpulan Sepadan dan Tidak Sepadan Domain Bacaan.



Rajah 3.6: Perbezaan Peratus Pencapaian Prestasi Tinggi (Band 5 dan ke atas) dengan Prestasi Rendah (Band 2 dan ke bawah) bagi Kumpulan Sepadan dan Tidak Sepadan Domain Matematik.


Kedua-dua rajah menunjukkan perbezaan yang ketara antara murid kumpulan Sepadan (murid diajar dalam bahasa yang sepadan dengan bahasa pertuturan di rumah) dan kumpulan Tidak Sepadan (murid diajar dalam bahasa yang tidak sepadan dengan bahasa pertuturan di rumah) dari segi peratusan pencapaian Band 5 dan ke atas (prestasi tinggi) serta Band 2 dan ke bawah (prestasi rendah) dalam Bacaan dan Matematik.

Bagi domain Bacaan, murid kumpulan Sepadan mencapai tahap prestasi tinggi yang jauh lebih besar, iaitu 76.2 peratus, berbanding hanya 42.5 peratus bagi kumpulan Tidak Sepadan. Pada masa yang sama, peratus murid berprestasi rendah dalam kumpulan Sepadan adalah sangat kecil (4%) berbanding kumpulan Tidak Sepadan (20.5%). Ini menunjukkan bahawa kesepadanan bahasa memberi kelebihan besar kepada murid dalam menguasai kemahiran membaca.


Pola yang sama turut dilihat dalam Matematik. Murid kumpulan Sepadan mencatat 77.4 peratus dalam Band 5 dan ke atas, jauh lebih baik berbanding kumpulan Tidak Sepadan yang mencatat 59.4 peratus. Peratus murid berprestasi rendah juga lebih kecil bagi kumpulan Sepadan (3.3%) berbanding Tidak Sepadan (8.4%). Walaupun Matematik bukan mata pelajaran berasaskan bahasa, dapatan ini menunjukkan bahawa keserasian bahasa pengantar masih memainkan peranan penting dalam kefahaman konsep dan penyelesaian masalah.

Dapatan kedua-dua graf secara konsisten menunjukkan bahawa kesepadanan bahasa antara rumah dan sekolah memberi kelebihan besar kepada murid, bukan sahaja dalam Bacaan tetapi juga dalam Matematik. Murid yang berada dalam kumpulan Sepadan mencatat peratusan prestasi tinggi yang jauh lebih besar dan peratusan prestasi rendah yang jauh lebih kecil berbanding kumpulan Tidak Sepadan. Dapatan ini menunjukkan bahawa sokongan bahasa di sekolah yang mengambil kira latar bahasa murid boleh menjadi faktor penting dalam pengurangan jurang pencapaian akademik.


Rajah 3.7: Peratus Sokongan Sekolah dan Ibu Bapa dalam Menyediakan Kelas Tambahan terhadap Murid Tidak Sepadan dalam Bacaan.



Rajah 3.8: Peratus Sokongan Sekolah dan Ibu Bapa dalam Menyediakan Kelas Tambahan terhadap Murid Tidak Sepadan dalam Matematik.



Rajah 3.9: Hubungan sokongan sekolah dan ibu bapa dalam Penyediaan Kelas Tambahan dengan Pencapaian dalam Bacaan dan Matematik.



Rajah 3.9 di atas menunjukkan hubungan antara sekolah yang menyediakan kelas tambahan kepada murid Tidak Sepadan dengan pencapaian murid dalam Matematik dan Bacaan. Terdapat tiga kategori:

- i. Ya, secara percuma
- ii. Ya, dengan separuh bayaran atau sepenuhnya oleh ibu bapa (berbayar)
- iii. Tiada sokongan

Data menunjukkan pola yang sangat ketara bagi Matematik. Murid yang mengikuti kelas tambahan Matematik berbayar, sama ada ditanggung separuh atau sepenuhnya oleh ibu bapa, mencatat skor tertinggi dalam kalangan semua kategori. Skor mereka jauh mengatasi murid yang tidak menerima kelas tambahan serta murid yang hanya mengikuti kelas tambahan percuma. Ini menunjukkan bahawa kelas tambahan Matematik yang melibatkan komitmen kewangan keluarga mempunyai impak jelas terhadap peningkatan prestasi. Sebaliknya murid yang tidak menerima langsung bantuan tambahan mencatat skor paling rendah bagi kedua-dua domain.

Namun peratusan murid yang mengikuti kelas tambahan berbayar amat kecil berbanding yang mengikuti kelas percuma atau tidak mengikuti kelas.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa kelas tambahan Matematik berbayar memberikan kesan paling signifikan kepada peningkatan pencapaian murid, dan mencadangkan bahawa intervensi tambahan yang lebih bermutu, termasuk yang mempunyai kos mungkin lebih berkesan dalam membantu murid mencapai tahap penguasaan yang lebih tinggi.

b) Isu Tidak Sepadan Mengikut Konteks Negeri dan Etnik

Fenomena bahasa Tidak Sepadan di Malaysia adalah tidak seragam dan dipengaruhi oleh konteks negeri dan dasar bahasa tempatan. Terdapat dua fenomena umum iaitu:

1. Murid Bukan Penutur Jati di SJKC

Data SEA-PLM 2024 menunjukkan sebanyak 33.2 peratus murid yang bersekolah di SJKC tidak menggunakan bahasa Cina semasa di rumah (Tidak Sepadan). Perkara ini berlaku kerana ibu bapa memilih untuk menghantar anak mereka ke SJKC berbanding sekolah rendah lain.

2. Program DLP di Sarawak

Data SEA-PLM 2024 menunjukkan 92.1 peratus murid yang mengambil ujian dalam bahasa Inggeris di Sarawak (DLP), tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah (Tidak Sepadan). Perkara ini berlaku kerana bermula tahun 2020, Kerajaan Sarawak, dengan persetujuan Kementerian Pendidikan (KPM), telah melaksanakan Program DLP Sarawak di semua SK di negeri tersebut.

Melalui pelaksanaan program ini, bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. Kohort pertama dasar ini ialah murid Tahun 1 tahun 2020. Mereka juga merupakan calon SEA-PLM 2024 yang perlu menjawab soalan Bacaan dan Matematik sepenuhnya dalam bahasa Inggeris mengikut bahasa pengantar.

Cabaran lebih dirasai oleh murid DLP di kawasan luar bandar, khususnya daripada komuniti etnik seperti Iban, Bidayuh dan Melanau yang bahasa ibunda mereka berbeza dengan bahasa pengantar sekolah dan bahasa ujian. Mereka berhadapan dengan cabaran tiga lapis peralihan bahasa dalam pendidikan formal (World Bank, 2021) iaitu:

- Bahasa ibunda (seperti Iban, Bidayuh, Melanau) di rumah.
- Peralihan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam kebanyakan mata pelajaran (selain Sains dan Matematik di bawah DLP).
- Peralihan kepada bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik melalui DLP.

3.4 Jurang Pembelajaran di Sebalik Kepelembagaan Bahasa

Kepelembagaan bahasa merupakan salah satu kekuatan teras negara yang menyumbang kepada pembentukan identiti nasional dan keharmonian sosial. Namun demikian, tanpa sokongan yang seimbang, inklusif dan sistematik, kepelembagaan ini berpotensi mewujudkan jurang tersembunyi dalam sistem pendidikan, khususnya dari segi peluang pembelajaran dan penguasaan literasi asas.

Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa murid yang mengalami ketidakpadanan antara bahasa pertuturan di rumah dengan bahasa pengantar di sekolah (language mismatch) bukan sahaja ketinggalan dalam kefahaman akademik, tetapi juga menunjukkan penurunan motivasi serta rasa kebersamaan dan penerimaan dalam komuniti sekolah (OECD, 2022). Apabila bahasa pengantar menjadi penghalang utama pembelajaran, murid cenderung berasa terpinggir dan kurang terlibat secara aktif dalam interaksi bilik darjah.

Selain itu, guru turut berhadapan dengan cabaran pedagogi apabila perlu menyeimbangkan antara tuntutan kandungan kurikulum dan pengajaran bahasa, terutamanya di sekolah yang melaksanakan DLP, serta sekolah yang mempunyai populasi murid pelbagai etnik dan latar linguistik. Tanpa latihan profesional yang khusus dalam pedagogi berasaskan kandungan dan bahasa, strategi pengajaran sering berpusat pada penterjemahan literal berbanding pendekatan komunikasi bermakna yang dapat mengukuhkan kefahaman konsep dan kemahiran berfikir aras tinggi.

Oleh itu, murid dalam kategori Tidak Sepadan memerlukan sokongan linguistik yang sistematik dan berterusan, seperti glosari dwibahasa, aktiviti pra-pengajaran kosa kata (pre-teaching vocabulary), serta latihan bacaan yang disesuaikan dengan tahap murid. Tanpa intervensi berstruktur seperti ini, mereka berisiko membina asas pembelajaran yang lemah, sekali gus menjejaskan perkembangan dan pencapaian pendidikan jangka panjang (UNESCO, 2025).

3.5 Kepimpinan Sekolah dan Pengajaran

Kepimpinan sekolah memainkan peranan yang amat penting sebagai pemangkin utama dalam pelaksanaan strategi pemulihan linguistik dan peningkatan kualiti pengajaran. Data soal selidik SEA-PLM menunjukkan bahawa sekolah yang mengamalkan kepimpinan instruksional yang aktif cenderung mencatatkan peningkatan lebih tinggi dalam skor literasi dan numerasi murid (World Bank, 2021).

Pemimpin sekolah yang berkesan bukan sekadar sebagai pentadbir, tetapi agen perubahan pedagogi yang membina ekosistem pembelajaran peka bahasa (language-aware learning ecosystem).

Kajian antarabangsa (OECD, 2022) menunjukkan bahawa sekolah yang mengamalkan kepimpinan peka bahasa (language-aware leadership) lebih berjaya mengekalkan dan meningkatkan prestasi murid merentasi pelbagai latar belakang bahasa pengantar. Di Malaysia, peranan kepimpinan ini menjadi semakin kritikal, terutamanya di sekolah yang melaksanakan DLP dan SJKC yang mempunyai ramai murid bukan penutur jati.



© UNICEF/UNI608357/Sufari

BAB 4

Membina Akar, Menumbuh Arah: Prakarsa KPM dalam Literasi dan Numerasi


Bab ini menghimpunkan usaha berterusan Kementerian Pendidikan dalam memperkukuh kemahiran asas murid melalui pelbagai dasar dan prakarsa nasional. Deretan program diatur dalam pelbagai platform dan sumber sejak tahun 1980-an hingga kini iaitu Program 3M, PROBIM, LINUS, DELIMa, PLaN, MOBIM, BaNgKIT, Bantu Baca, Anak Kita, HIP Remedial Instruction Strategies, j-QAF, dan Intervensi Pengesanan Awal.

4.1 Pendahuluan

Kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) bukan sekadar keperluan pembelajaran, tetapi tunjang kepada pembentukan insan dan kemajuan negara. Sejak tahun 1980-an, KPM tidak pernah berhenti berusaha memastikan setiap anak di bangku sekolah menguasai kemahiran asas ini. Bermula Program 3M yang menjadi pelopor, hingga kepada pelbagai prakarsa baharu seperti Program Pemulihan Khas, PLaN, Pengesanan Awal Literasi dan Numerasi serta Program Intervensi Tahun 1 dan Highly Immersive Program Remedial Instruction (HIP-RI), semuanya digerakkan dengan satu hasrat yang sama iaitu untuk memastikan tiada murid tercicir daripada menguasai kemahiran asas ilmu. Kini, usaha ini terus diperkasa melalui pendekatan yang lebih inklusif, bersepadu, digital dan berpaksikan data demi membina generasi yang celik, yakin dan bersedia menghadapi masa depan.

4.2 Evolusi Dasar dan Program Literasi & Numerasi Kementerian Pendidikan

Evolusi Dasar dan Program Literasi dan Numerasi Kementerian Pendidikan



Rajah 4.1: Evolusi Dasar dan Program Literasi dan Numerasi Kementerian Pendidikan.

Era	Prakarsa	Fokus & Ciri Utama
1972	Laporan Keciciran Murid	Laporan Keciciran Murid (1972) telah mewujudkan keprihatinan terhadap murid yang gagal menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M), sekaligus menyebabkan berlakunya keciciran di sekolah rendah.
1979	Laporan Jawatankuasa Kabinet	Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 pula menegaskan kepentingan mengatasi isu keciciran dengan memberi penekanan kepada penguasaan 3M sebagai asas kepada pembangunan kurikulum baharu sekolah rendah. Hasilnya, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan pada tahun 1983 sebagai langkah strategik memperkukuh kemahiran asas murid.
1983–1990-an	Program 3M (Membaca, Menulis, Mengira)	Program 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) Dilaksanakan seiring dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) bagi memastikan semua murid Tahap 1 (Tahun 1–3) menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Program ini menjadi asas kepada pelaksanaan Program Pemulihan Khas dan pembentukan dasar literasi serta numerasi di sekolah rendah.
1995–1998	PROBIM (Program Bimbingan Membaca & Menulis)	Sasaran terhadap murid Tahun 4–6 yang masih lemah dalam 3M; memberi bimbingan intensif melalui bahan pemulihan dan aktiviti maujud.
2006	KIA2M (Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis)	Menangani masalah keciciran murid dalam penguasaan kemahiran 2M. Orientasi pendekatan KIA2M berbentuk penyelesaian masalah melalui pengajaran semula secara intensif kemahiran asas membaca dan menulis
2008	PROTIM (Program Pemulihan 3M)	Program diagnostik dan pemulihan yang dilaksanakan oleh KPM untuk murid-murid Tahap 2 yang lemah dalam kemahiran asas 3M untuk memastikan murid dapat menguasai kemahiran asas 3M supaya tidak tercicir daripada persekolahan.
2008	PROBIM (Program Bimbingan Matematik)	Membantu murid-murid sekolah menengah (Tingkatan 1) yang tidak menguasai kemahiran asas mengira.
2010–2019	LINUS 1.0 & LINUS 2.0	Dilaksanakan dalam PPPM; memastikan semua murid Tahun 3 menguasai literasi (BM, BI) dan numerasi (Matematik). LINUS 2.0 pula menambah komponen Literasi Bahasa Inggeris.
2020–2025	Prakarsa Literasi & Numerasi KPM (Pasca LINUS)	Pendekatan holistik berasaskan data dan AI, selaras dengan SEA-PLM dan PISA. Fokus kepada pembangunan literasi fungsional, digital dan abad ke-21.

Jadual 4.1: Evolusi Dasar dan Program Literasi dan Numerasi Kementerian Pendidikan.

4.3 Prakarsa Semasa KPM (2020–2025)


a) Program Intervensi Pengesanan Awal Literasi dan Numerasi (IPA) serta Program Intervensi Tahun 1

Prakarsa intervensi kurikulum bagi menangani keciciran pembelajaran ini dilaksanakan berdasarkan instrumen pengesanan literasi dan numerasi. Intervensi Tahun 1 ini membantu murid yang belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira.

b) Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN)

Program ini dilancarkan pada tahun 2020 bagi meningkatkan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira bagi murid sekolah rendah. Pendekatan PLaN mengutamakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dan intervensi berasaskan autonomi sekolah bagi murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Rajah 4.2: Prakarsa Semasa KPM (2020-2025)



c) Program HIP-RI

Program ini dikendalikan oleh English Language Teaching Centre (ELTC) bagi meningkatkan kemahiran guru Bahasa Inggeris dalam strategi pemulihan bagi murid Tahun 4 dan 5. Pada tahun 2024, seramai 3,000 orang guru, dengan 48 peratus daripada 34,000 orang murid yang terlibat berjaya mencapai tahap CEFR A1.

d) Program Pemulihan Khas

Selaras dengan fasa akhir Rancangan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Program Pemulihan Khas berperanan membantu murid yang belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Program ini memastikan murid Tahun 2 hingga Tahun 6 dapat menguasai kemahiran asas 3M dan kembali mengikuti pembelajaran di kelas arus perdana dengan lebih berkesan, sekali gus meningkatkan keberkesanan intervensi pemulihan dan mengurangkan kadar keciciran murid di sekolah rendah.

e) Pemeraksanaan Digital

Transformasi pendidikan pasca pandemik memperlihatkan rancangantar DELIMA sebagai platform utama pembelajaran digital. Pelantar DELIMA berperanan menyokong pelaksanaan program literasi dan numerasi KPM dengan menyediakan bahan PdP digital seperti video, modul latihan dan kuiz interaktif bagi membantu murid menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).

4.4 Kesimpulan

Sejak empat dekad lalu, usaha KPM dalam memperkukuh literasi dan numerasi telah berkembang daripada pemulihan asas ke arah literasi holistik yang menggabungkan kemahiran bahasa, angka, digital dan nilai. Program seperti Pemulihan, PLaN, IPA, HIP-RI menjadi bukti komitmen berterusan KPM untuk memastikan tiada murid tercicir daripada arus pendidikan bermutu.



BAB 5

Di Sebalik Tabir Dasar: Peranan Jawatankuasa Perancangan Strategik Pencapaian Penandaarasan Antarabangsa (JPSPPA) @ International Benchmarking Committee (IBC)

Bab ini memahami peranan JPSPPA atau IBC yang merancang berdasarkan data bagi memastikan tindakan diambil berpaksikan bukti iaitu dari peringkat Bahagian KPM yang bergerak atas platform tujuh Jawatankuasa Kerja: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Pentaksiran, Latihan Guru, Pengajaran dan Pembelajaran, Kepimpinan Sekolah, Sumber dan Infostruktur, serta Pelibatan Ibu bapa dan Komuniti. Perancangan dan koordinasi pelaksanaan strategik diatur secara sinergi untuk memastikan keberkesanan program di semua peringkat.

5.1 Latar Belakang Penubuhan

Jawatankuasa Perancangan Strategik Pencapaian Penandaarasan Antarabangsa (JPSPPA) atau International Benchmarking Committee (IBC) telah ditubuhkan oleh BPPDP pada 17 Oktober 2024. Penubuhan jawatankuasa ini berperanan menyelaraskan langkah strategik berteraskan data kajian penandaarasan antarabangsa seperti SEA-PLM, TIMSS dan PISA.

Penubuhan ini diikuti dengan mesyuarat penetapan Terma Rujukan (Terms of Reference - TOR) pada 14 Januari 2025. Rentetan daripada itu, JPSPPA berperanan sebagai pusat rujukan dan penyelaraskan kebangsaan bagi integrasi hasil kajian antarabangsa yang diterjemahkan ke dalam dasar, kurikulum, latihan, infostruktur dan intervensi pada semua peringkat pendidikan.

Matlamat penubuhan JPSPPA KPM adalah untuk menetapkan perancangan strategik secara lebih sistematik dan berstruktur dalam meningkatkan pencapaian murid dan kualiti pendidikan daripada peringkat rendah hingga menengah berdasarkan penandaarasan antarabangsa.

5.2 Struktur dan Mekanisme Tadbir Urus

JPSPPA PERINGKAT KPM

JPSPPA KPM dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) dan dipacu melalui tujuh Jawatankuasa Kerja bagi memperkasakan dan meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia berdasarkan pencapaian Malaysia dalam penandaarasan antarabangsa.

BIL	Jawatankuasa Kerja JPSPPA	Bahagian Peneraju	Fokus Strategik
1	Penandaarasan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	BPK	Pengukuhan pedagogi dan penilaian berasaskan KBAT serta format pentaksiran antarabangsa
2	Penandaarasan Latihan Guru	BPG dan IPGM	Pembangunan kapasiti guru bagi menambah baik pedagogi dan bimbingan guru
3	Penandaarasan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	JN	Pemeriksaan kualiti PdP serta tindakan susulan berdasarkan dapatan pentaksiran antarabangsa
4	Penandaarasan Pentaksiran	LP	Meningkatkan kualiti pentaksiran dengan pembinaan item setara International Large-Scale Assessments (ILSA - TIMSS/PISA/SEA-PLM)
5	Penandaarasan Kepimpinan Sekolah	IAB	Tindakan susulan menambah baik kualiti Pengetua dan Guru Besar (PGB) berdasarkan dapatan pentaksiran antarabangsa
6	Penandaarasan Sumber dan Infostruktur	BSTP	Menambah baik bahan dan sumber digital dalam DELIMA untuk STEM dan literasi bacaan yang memenuhi standard pentaksiran antarabangsa
7	Penandaarasan Pelibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan	BPSH	Pembangunan komuniti pembelajaran ibu bapa dan program rumah sebagai sekolah

Jadual 5.1: Fokus Strategik Bahagian Peneraju Jawatankuasa Kerja JPSPPA

**CARTA ORGANISASI JPSPPA
KPM**



Rajah 5.1: Carta Organisasi JPSPPA KPM

JPSPPA PERINGKAT JPN

JPSPPA turut ditubuhkan pada peringkat negeri bagi memastikan pelaksanaan strategi dan intervensi diadaptasi mengikut konteks serta keperluan negeri masing-masing. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

**CARTA ORGANISASI JPSPPA
JPN**



Rajah 5.2: Carta Organisasi JPSPPA JPN

5.3 FUNGSI TERAS DAN PERANAN JPSPPA


Lima fungsi teras dan peranan JPSPPA iaitu:

- i. Menetapkan hala tuju perancangan strategik dalam meningkatkan pencapaian murid dan kualiti pendidikan daripada peringkat rendah hingga menengah berdasarkan penandaarasan antarabangsa;
- ii. Meneliti dan meluluskan syor intervensi penambahbaikan pencapaian pendidikan Malaysia dalam kajian penandaarasan antarabangsa berdasarkan tujuh aspek mengikut jawatankuasa kerja JPSPPA.
- iii. Memantau intervensi serta strategi penambahbaikan yang dilaksanakan pada peringkat KPM;
- iv. Menilai keberkesanan semua aktiviti serta program dalam meningkatkan pencapaian murid dan kualiti pendidikan dari peringkat rendah hingga menengah berdasarkan penandaarasan antarabangsa; dan
- v. Menetapkan unjuran sasaran pencapaian Malaysia bagi setiap kajian penandaarasan antarabangsa.

5.4 AKTIVITI JPSPPA (2024–2025)

Penubuhan JPSPPA menjadi platform utama dalam memastikan keselarasan program yang menjurus kepada peningkatan kualiti pencapaian Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa. Garis masa perkembangan program JPSPPA menunjukkan potensi jawatankuasa ini untuk terus memainkan peranannya pada masa hadapan.

Garis Masa Perkembangan JPSPPA 2024-2025



Rajah 5.3: Garis Masa Perkembangan JPSPPA 2024-2025

Tarikh	Peristiwa	Fokus
17 Oktober 2024	Penubuhan rasmi JPSPPA KPM	Struktur Organisasi dan Terma Rujukan JPSPPA diluluskan
14 Januari 2025	Sesi Pertama JPSPPA KPM	Penyelarasan Rancangan Tindakan Jawatankuasa Kerja JPSPPA
25 Februari 2025	Mesyuarat JK Kerja Bil.1/2025	Penyediaan Perancangan Strategik Bahagian
5 - 6 Mei 2025	1st Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM) Country-level Strategic Workshop	Penyediaan Rancangan Tindakan Kebangsaan SEA-PLM
4 Jun 2025	Mesyuarat JK Kerja Bil.2/2025	Penetapan Program Strategik Bahagian KPM
21 Julai 2025	Taklimat Penubuhan JPSPPA JPN	Perbincangan struktur organisasi JPSPPA JPN bersama-sama wakil JPN.
21 Julai 2025	Mesyuarat JK Induk Bil.1/2025	Mandat pelaksanaan Aktiviti JPSPPA dan Penubuhan JPSPPA JPN
19 Ogos – 24 September 2026	Tinjauan Susulan Kajian Utama Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM) 2024	Mendapatkan maklumat tambahan mengikut konteks sekolah berprestasi tinggi dan rendah.
19 September 2025	Mesyuarat JK Kerja Bil.3/2025	Perkongsian input Persidangan Meja Bulat TIMSS 2023, Sesi Libat Urus TIMSS 2027, dan Tinjauan Susulan SEA-PLM 2024, serta pemantapan pelaksanaan perancangan JKK JPSPPA KPM
16- 17 Oktober 2025	2nd Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM) Country-level Strategic Workshop	Penyelarasan Rancangan Tindakan Kebangsaan berdasarkan data SEA-PLM 2024
22-24 Oktober 2025	Bengkel Penyediaan Laporan Awal Southeast Asia Primary Learning Metrics (SEA-PLM) 2024	Penyediaan Laporan Dapatan Kajian Penandaarasan SEA-PLM 2024

Jadual 5.2: Garis Masa Perkembangan JPSPPA 2024-2025

5.5 SINERGI PELAKSANAAN

a) Jawatankuasa Kerja Penandaarasan KBAT (BPK)

- i. **Program:** Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL)

Sasaran: Murid Tahun 4 hingga Tingkatan 4.

- ii. **Program:** Bimbingan dan Latihan Pembudayaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Sasaran: Semua guru Sains, Matematik dan Bahasa sekolah rendah dan sekolah menengah.

- iii. **Program:** Promosi Penggunaan Bahan Sokongan KBAT bagi Persediaan Pentaksiran Antarabangsa

Sasaran: Guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah.

b) Jawatankuasa Kerja Penandaarasan Latihan Guru (BPG)

- i. **Program:** Pementapan Pedagogi Mata Pelajaran STEM

Sasaran: Pegawai JPN (Unit Sains dan Matematik) Penyelaras STEM dan SISC+ Sains dan Matematik.

- ii. **Program:** Peningkatan Kemahiran Pembinaan Item KBAT (Setara Dengan Pentaksiran Antarabangsa): Latihan Pembinaan Item Pentaksiran Setara TIMSS dan PISA Bagi Tahun 2024-2028

Sasaran: Pegawai JPN SISC+, GKMP dan KP Sains, Matematik, Bahasa.

c) Jawatankuasa Kerja Penandaarasan Pengajaran dan Pembelajaran (JN)

- i. **Program:** Pemeriksaan Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Sejarah di Sekolah Rendah dan Menengah Tahun 2026

Sasaran: 50 sekolah rendah dan 50 sekolah menengah melibatkan 100 PdP masing-masing bagi mata pelajaran Sains Tahun 4, Matematik Tahun 3, Sains Tingkatan 1 dan Matematik Tingkatan 1.

- ii. **Program:** Jerayawara SK@S (Bertumpu Standard 3.1 dan Standard 4).

Sasaran: Seorang PIC IBC di JPN dan seorang SISC+ Sains dan Matematik bagi setiap PPD.

d) Jawatankuasa Kerja Penandaarasan Pentaksiran (LP)

- i. **Program:** Bengkel Perealisasian Item Sains dan Matematik Sekolah Rendah Berdasarkan Penandaarasan Antarabangsa

Sasaran: Empat Jurulatih Utama Kebangsaan, 40 Jurulatih Utama Negeri bagi SK, 24 Jurulatih Utama Negeri bagi SJKC dan 16 Jurulatih Utama Negeri bagi SJKT.

- ii. **Program:** Kursus Penggunaan Bahan Autentik Dalam Menarik Minat Murid Dalam Pentaksiran STEM

Sasaran: 8 Jurulatih Utama Kebangsaan Bidang Sains dan Matematik, 20 Jurulatih Utama Negeri bagi mata pelajaran STEM.

e) Jawatankuasa Kerja Penandaarasan Kepimpinan Sekolah (IAB)

- i. **Program:** Mengadakan webinar/ bengkel bagi meningkatkan kesedaran kepentingan Kajian Penandaarasan Antarabangsa dan melaksanakan Tindak Ikut Tindak Lanjut (TITL) sekurang-kurangnya sekali selepas bengkel/kursus.

Sasaran: PGB di seluruh Malaysia.

- ii. **Program:** Pemurnian Modul IAB dengan mengintegrasikan elemen TIMSS, PISA, dan SEA-PLM dalam modul sedia ada di Institut Aminuddin Baki (IAB)

Sasaran: Pengetua dan Guru Besar di seluruh Malaysia.

f) Jawatankuasa Kerja Penandaarasan Sumber dan Infostruktur (BSTP)

- i. **Program:** Pembangunan Sumber Pendidikan STEM dalam DELIMa

Sasaran: Bilangan bahan STEM yang dihasilkan oleh guru dalam ruang ilmu DELIMa dan bilangan murid yang menggunakan bahan STEM dalam DELIMa.

- ii. **Program:** Program Pemerkaaan Bacaan Murid iaitu dengan meningkatkan literasi bacaan murid melalui Bahan Bacaan Tambahan

Sasaran: Semua murid mencapai tahap literasi bacaan yang disasarkan dalam SEA-PLM dan PISA.

g) Jawatankuasa Kerja Penandaarasan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (BPSH)

- i. **Program:** Kelab Komuniti Pembelajaran Ibu Bapa (PLC) iaitu platform bagi ibu bapa berkongsi ilmu, cabaran dan strategi pembelajaran anak-anak.

Sasaran: 70 peratus ibu bapa menyertai sekurang-kurangnya dua sesi PLC dalam tempoh setahun.

- ii. **Program:** Rumahku Sekolahku iaitu mengangkat rumah sebagai tempat pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan

Sasaran: 80 peratus murid melaporkan peningkatan motivasi belajar melalui soal selidik dan 85 peratus ibu bapa menyatakan kepuasan terhadap impak projek.

h) JPSPPA JPN: Memacu Dasar kepada Tindakan

Peranan JPSPPA JPN:

- Menyesuaikan strategi nasional kepada konteks negeri.
- Memantau intervensi sekolah melalui mesyuarat berkala sekurang-kurangnya dua kali setahun.
- Menilai keberkesanan program berdasarkan hasil pencapaian murid dan laporan sekolah.

JPSPPA JPN berperanan menyesuaikan strategi pelaksanaan yang digariskan di peringkat nasional supaya selaras dengan konteks, keutamaan serta keperluan negeri masing-masing.

Pemantauan terhadap pelaksanaan intervensi di sekolah dilaksanakan secara sistematik melalui mesyuarat berkala yang diadakan dua kali setahun bagi memastikan keselarasan dan keberkesanan tindakan di lapangan. Di samping itu, keberkesanan program dinilai berdasarkan analisis data pencapaian murid serta laporan pelaksanaan yang diterima daripada sekolah untuk menentukan kesan sebenar terhadap peningkatan kualiti pendidikan di peringkat negeri.

5.7 PENUTUP

JPSPPA atau IBC merupakan tonggak utama dalam usaha menterjemahkan dasar berasaskan bukti kepada tindakan yang menyeluruh, merangkumi pelaksanaan dari peringkat bahagian hingga ke bilik darjah, serta penyaluran dasar berdasarkan dapatan daripada data yang sahih, terarah dan berimpak terhadap dasar pendidikan negara. Melalui tujuh Jawatankuasa Kerja dan rangkaian JPSPPA JPN, KPM kini memiliki mekanisme yang sistematik, berstruktur dan kolaboratif dalam mengurusperdanakan amalan pembelajaran berasaskan data antarabangsa dalam ekosistem pendidikan negara. Selaras dengan prinsip JPSPPA, usaha ini menegaskan bahawa “setiap angka membawa makna dan setiap dapatan diterjemah menjadi tindakan”.




BAB 6

Pelan Tindakan Masa Hadapan: Dari Bukti ke Tindakan, Dari Data ke Dasar

Foundational Literacy and Numeracy Expertise Enhancement Programme (FLNEEP) menjadi teras kepada pelan tindakan pendidikan asas yang diterajui JPSPPA. Melalui projek ini, data SEA-PLM akan diterjemah kepada tindakan melalui latihan guru, pembangunan item berkualiti, dan penggunaan kecerdasan buatan (AI) bagi menyokong pedagogi terbeza dan pelaporan berasaskan bukti. Gabungan kecerdasan buatan dan papan pemuka (dashboard) interaktif INSPIRE, akan memastikan hambatan kemajuan dan jurang pencapaian dapat dikenal pasti dan diambil tindakan segera.

6.1 Pengenalan

Rancangan tindakan SEA-PLM akan menyatukan usaha strategik KPM bagi menterjemah dapatan SEA-PLM 2024 kepada penambahbaikan pendidikan yang berasaskan bukti. Rancangan ini akan menjadi kerangka menyeluruh yang menghubungkan data, kurikulum, dan prakarsa pembangunan kapasiti.



Rajah 6.1: Rancangan Tindakan 2026

Antara komponen utamanya termasuk penyediaan Laporan Kebangsaan SEA-PLM, penggunaan data SEA-PLM bagi merangka rancangan tindakan menghadapi TIMSS Gred 4 pada tahun 2027, serta pemetaan kurikulum antara item SEA-PLM dengan kurikulum kebangsaan.

Rancangan ini turut mengintegrasikan FLNEEP (Foundational Literacy and Numeracy Expertise Enhancement Programme) yang menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan-AI dan papan pemuka interaktif INSPIRE (Intelligent System for Pedagogy, Item, and Foundational Learning Equity Reporting) bagi memastikan pendekatan peringkat kebangsaan yang menyeluruh dalam memperkukuh pembelajaran asas.

Dalam perancangan JPSPPA, rancangan strategik jangka pendek, sederhana dan panjang dirangka bagi memandu tindakan dasar serta memantau kemajuan pelaksanaannya. Rancangan ini mencerminkan komitmen Malaysia terhadap kecemerlangan pendidikan melalui strategi yang berpaksikan data, inklusif dan berpandangan jauh.

6.2 FOKUS STRATEGIK RANCANGAN TINDAKAN NASIONAL (2025–2029)

Bidang Fokus	Huraian Ringkas	Agensi
Laporan Nasional SEA-PLM 2024	Menyediakan laporan nasional berasaskan dapatan domain literasi membaca, menulis dan mengira (3M) serta analisis faktor latar belakang (SES, lokasi, bahasa pengantar).	Peneraju
Penggunaan Data SEA-PLM untuk TIMSS 2027	Menggunakan dapatan data SEA-PLM untuk memperkukuh persediaan murid Tahun 4 khususnya bagi subjek Matematik ke arah TIMSS 2027.	BPPDP BPK, LP, BPG, IPGM, JN
Pemetaan Kurikulum dan Item	Melaksanakan pemetaan item SEA-PLM dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Bahasa dan Matematik.	BPK, LP, BSTP
Integrasi FLNEEP	FLNEEP merupakan program pembangunan kapasiti bagi penjana item pentaksiran peringkat sekolah rendah mengikut kerangka pentaksiran antarabangsa dengan menyepadukan teknologi AI. FLNEEP akan melibatkan latihan jurulatih utama untuk menyediakan item menggunakan teknologi AI serta latihan pedagogi mengikut konsep TaRL (Teaching at the Right Level).	BPG, IPGM, BPK
Papan Pemuka INSPIRE	INSPIRE merupakan satu papan pemuka yang akan berintegrasi dengan FLNEEP bagi pemantauan aktiviti FLNEEP. Sistem ini akan menggunakan teknologi AI bagi menyediakan laporan terus berasaskan data (pencapaian murid) serta cadangan penambahbaikan individu secara adaptif bagi tindakan guru dan murid, serta laporan terus kepada pemutus dasar.	Semua JK Kerja JPSPPA

Jadual 6.1: Fokus Strategik Rancangan Tindakan Nasional 2026

6.3 TINDAKAN TUJUH JAWATANKUASA KERJA JPSPPA BERDASARKAN DATA SEA-PLM

a) Jawatankuasa Kurikulum dan KBAT (BPK)

Dapatan :

Murid menunjukkan kelemahan dalam membuat inferens, memahami makna tersirat serta penerapan konsep matematik dalam situasi sebenar.

Tindakan Strategik:

- Menyemak semula DSKP bagi mata pelajaran Bahasa dan Matematik untuk memperkukuh elemen “membaca untuk menaakul” dan “matematik gunaan” dalam kurikulum.
- Membangunkan item KBAT berbentuk naratif yang selaras dengan kerangka SEA-PLM.
- Melaksanakan bengkel pemetaan kurikulum dan item untuk memastikan keselarasan kandungan, aras kesukaran dan bentuk tugas.
- Memasukkan modul “Penjana Item Berasaskan AI” ke dalam pembangunan bahan latihan guru yang menyepadukan FLNEEP.

b) Jawatankuasa Pentaksiran (LP)

Dapatan:

Ketidakselarasan aras kesukaran item dan jurang keupayaan antara murid bandar dan luar bandar.

Tindakan Strategik:

- Menggabungkan taksonomi item SEA-PLM dalam reka bentuk Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- Menyediakan bank soalan digital yang setara dengan aras kesukaran antarabangsa bagi latihan murid Tahun 1 hingga Tahun 6.
- Melaksanakan latihan peningkatan kompetensi guru sebagai pengesah item (item validator) bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan item yang dijana oleh AI.
- Menyediakan laporan diagnostik digital mengikut domain literasi dan numerasi.

c) Jawatankuasa Latihan Guru (BPG)

Dapatan:

Kualiti pengajaran guru yang berbeza tahap kecekapan berkaitan domain literasi dan numerasi.

Tindakan Strategik:

- Menyediakan latihan *Teaching at the Right Level* (TaRL) atau pedagogi terbeza dan pembelajaran terbeza dengan menggunakan data kelas sebenar.
- Meningkatkan kemahiran guru dalam mengaplikasikan modul FLNEEP.
- Mengaplikasikan Rakan Pembelajaran AI dalam latihan maya dan pelaksanaan refleksi sendiri guru.
- Memperkasakan *Community of Practice* (CoP) dalam kalangan guru di platform DELIMA untuk perkongsian amalan terbaik.

d) Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran (JN)

Dapatan:

Perbezaan kaedah pengajaran mengikut bahasa pengantar dan kekurangan aktiviti berasaskan aplikasi dunia sebenar.

Tindakan Strategik:

- Membudayakan Kajian Pengajaran (lesson study) berasaskan analisis data SEA-PLM bagi literasi dan numerasi.
- Meningkatkan penggunaan *toolkit* intervensi PdP yang mengandungi contoh pengajaran pelbagai aras.
- Menyepadukan amalan PdP berasaskan inkuiri dan kontekstual dengan pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran.
- Menilai keberkesanan PdP melalui analitik papan pemuka interaktif INSPIRE.

e) Jawatankuasa Kepimpinan Sekolah (IAB)

Dapatan:

Sekolah berprestasi rendah menunjukkan kelemahan dalam aspek kepimpinan instruksional dan pemantauan PdP pasca COVID-19.

Tindakan Strategik:

- Melaksanakan Kepimpinan untuk Pembelajaran (Leadership for Learning) berasaskan dapatan data SEA-PLM.
- Membangunkan Modul Rancangan Penambahbaikan Sekolah berasaskan data.
- Memperkenalkan Dashboard Kepimpinan Sekolah di bawah INSPIRE untuk pemantauan prestasi literasi dan numerasi.
- Menyediakan sesi Tindak Ikut Tindak Lanjut (TITL) bagi sekolah fokus.

f) Jawatankuasa Sumber dan Infostruktur (BSTP)

Dapatan:

Jurang capaian digital dan penggunaan bahan sokongan PdP masih tidak seimbang.

Tindakan Strategik:

- Menyebarkan bahan digital SEA-PLM dan FLNEEP dalam platform DELIMa dan platform media sosial rasmi yang mudah dicapai.
- Menyediakan Pakej Pembelajaran Luar Talian bagi sekolah pedalaman.
- Membangunkan atau menyediakan simulasi interaktif literasi dan numerasi untuk murid pencapaian rendah.
- Memantau kadar penggunaan bahan digital dengan menggunakan analitik DELIMa.

g) Jawatankuasa Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (BPSH)

Dapatan:

Hubungan antara ibu bapa/penjaga dan pihak sekolah tidak seimbang dan serta sokongan ibu bapa/penjaga yang masih rendah terhadap pembelajaran asas murid.

Tindakan Strategik:

- Memperkukuh *Parent Learning Community* (PLC) yang bertumpu kepada literasi dan numerasi.
- Melaksanakan kempen “Rumahku Sekolahku” yang disokong dengan panduan pelaksanaan aktiviti pembelajaran di rumah.
- Membangunkan modul komunikasi dua hala ibu bapa/penjaga dan pihak sekolah berasaskan data SEA-PLM.
- Menyediakan Papan Pemuka Pandangan Ibu bapa (Dashboard PIBK Insight) bagi memantau pelibatan ibu bapa/penjaga terhadap intervensi murid.

6.4 PENETAPAN SASARAN DAN PEMANTAUAN

Jangka Masa	Tindakan Utama	Penanda Aras
Jangka Pendek (2025–2026)	Pelaksanaan laporan SEA-PLM, pemetaan kurikulum dan item serta latihan guru berkaitan FLNEEP.	30 peratus sekolah sasaran FLNEEP menunjukkan peningkatan skor literasi.
Jangka Sederhana (2027)	Pelaksanaan TIMSS 2027 dan integrasi penuh bank item yang dijana oleh AI (AI-Assisted Item Bank).	10 peratus peningkatan purata skor TIMSS 2027.
Jangka Panjang (2028–2029)	Penilaian impak FLNEEP dan pelaporan SEA-PLM 2029.	Jurang pencapaian SES berkurang sekurang-kurangnya 15 peratus.

Jadual 6.2: Penetapan Sasaran Jangka Masa Pendek, Jangka Masa Sederhana dan Jangka Masa Panjang

6.5 PENUTUP

Rancangan Tindakan Masa Hadapan ini mencerminkan komitmen KPM terhadap tindakan berimpak tinggi berbanding dengan analisis data semata-mata. Melalui koordinasi JPSPPA dan pelaksanaan FLNEEP, pendidikan asas negara akan diperkukuhkan dengan teknologi, data dan kebertanggungjawaban pendidik bagi memastikan setiap murid dapat membaca dengan faham, berfikir dengan mendalam, dan mengira dengan yakin, seterusnya berupaya menguasai literasi dan numerasi.

Daripada bukti lahir tindakan, daripada data terbina dasar, dan daripada dasar, lahirnya keterangkuman pendidikan.



BAB 7

Penutup: Menyulam Harapan, Menyemai Masa Depan

Bab terakhir ini mengajak pembaca merenung perjalanan yang telah ditempuh iaitu daripada dapatan kepada tindakan, daripada murid kepada dasar dan menyeru agar setiap warga pendidik terus memaknai tanggungjawab untuk memastikan tiada murid yang akan tercicir daripada penguasaan asas literasi dan numerasi di negara ini.

Kajian SEA-PLM 2024 menandakan satu fasa baharu dalam usaha Kementerian Pendidikan (KPM) menilai dan menambah baik penguasaan asas literasi dan numerasi. Bab ini merumuskan keseluruhan pelaksanaan kajian ini serta hala tuju susulan bagi semua warga pendidik untuk terus memaknai tanggungjawab bersama dalam memastikan tiada murid yang tercicir daripada penguasaan asas literasi dan numerasi selaras dengan SDG 4 dalam Matlamat Pembangunan Mampan.

7.1 Mengimbau Langkah dan Hala Tuju

Melalui SEA-PLM 2024, kita bukan sekadar memperoleh data, tetapi gambaran signifikan tentang tahap penguasaan literasi dan numerasi anak-anak kita meliputi kekuatan yang wajar diperkasakan, jurang yang perlu dirapatkan serta ruang penambahbaikan yang menuntut tindakan berasaskan bukti. Keputusan SEA-PLM 2024 menunjukkan bahawa sistem pendidikan Malaysia kekal berdaya tahan dalam mendepani cabaran pembelajaran sepanjang pandemik COVID-19.

Dapatan ini menjadi tunjang kepada hala tuju JPSPPA di bawah payung tujuh jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Kerja KBAT, Pentaksiran, Latihan Guru, Pengajaran dan Pembelajaran, Kepimpinan Sekolah, Sumber dan Infostruktur, serta Pelibatan Ibu bapa dan Komuniti. Setiap Bahagian yang menjadi peneraju perlu memainkan peranan untuk memastikan tindakan yang diambil tidak lagi berasaskan andaian, tetapi berpaksikan bukti dan data yang sah.

7.2 Mentransformasikan Dapatan Memacu Strategi

Dapatan SEA-PLM 2024 menjadi asas bagi menstruktur prakarsa utama berskala nasional iaitu FLNEEP. FLNEEP menjadi mekanisme penggerak ekosistem pendidikan yang menjadi teras utama rancangan tindakan pasca SEA-PLM 2024 di samping menterjemah bukti kajian kepada bentuk intervensi konkrit dalam bilik darjah yang dibina berdasarkan tiga strategik iaitu;

- 1. Pemanfaatan Kecerdasan Buatan:** Prakarsa yang menyandarkan kekuatan Kecerdasan Buatan yang digunakan bagi menyokong pedagogi terbeza dan pelaporan berasaskan bukti sah. Sebagai contohnya, modul “AI-Assisted Item Generator” akan dimasukkan dalam pembangunan bahan latihan guru FLNEEP.
- 2. Latihan Guru Berasaskan Keperluan Sebenar:** Prakarsa yang bertujuan untuk memperkasakan dan menggembleng latihan guru yang direncanakan dengan mantap berasaskan keperluan lapangan yang sebenar merangkumi aspek mengurusperdanakan modul FLNEEP dan menyediakan latihan TaRL serta pembelajaran terbeza dengan menggunakan data kelas sebenar.
- 3. Papan Pemuka Data (Dashboard) INSPIRE:** Peranan papan pemuka data INSPIRE yang bertindak sebagai mata pena utama, mengesan kemajuan khazanah murid secara dinamik dan fleksibel yang membolehkan prestasi dipantau secara konsisten, seterusnya memastikan jurang pencapaian dikenal pasti untuk tindakan segera.

Penggunaan data dalam mengupayakan manusia menerusi gabungan kepakaran dengan data yang menyeluruh dapat:

- mencungkil kelemahan dari akar umbi permasalahan murid;
- menghulurkan intervensi yang bersasar di bilik darjah; dan

- **menjelmakan penilaian impak** pelaksanaan secara menyeluruh yang merentas setiap pelosok negara yang mencakupi peringkat negeri, bahagian, mahupun kebangsaan.

Secara ringkasnya, FLNEEP bukanlah projek bersifat terasing, sebaliknya merupakan mekanisme penggerak ekosistem pendidikan. FLNEEP bertujuan untuk memaksimumkan daya guna data yang menjadi nadi untuk membantu setiap tindakan dalam pendidikan negara. FLNEEP dan struktur koordinasi JPSPPA diharapkan dapat memastikan segala tindakan berpaksikan bukti dan data yang sah.

7.3 Menyatukan Arah, Menggerakkan Tindakan

Setiap Bahagian di KPM memainkan peranan penting dalam memastikan strategi pelaksanaan JSPPA dapat diterjemahkan secara berkesan:

- **BPK dan LP** menumpukan kepada kesejajaran kurikulum dan pentaksiran antarabangsa.
- **BPG, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan JN** memberi tumpuan kepada peningkatan kapasiti guru agar serta pengukuhan pelaksanaan PdP berasaskan data dan keperluan sebenar murid.
- **IAB** memperkukuh kepimpinan instruksional berasaskan data pembelajaran.
- **BSTP** memastikan kemudahan serta bahan pembelajaran dapat diakses di semua sekolah.
- **BPSH** mengukuhkan pelibatan ibu bapa dan komuniti sebagai rakan strategik pendidikan.

Pendekatan bersepadu ini diselaraskan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pada semua peringkat.

7.4 Meneroka Horizon Masa Depan Pendidikan

KPM semakin rancak mengorak landskap pendidikan negara yang dijelmakan daripada dapatan kepada medan tindakan. Data SEA-PLM 2024 menjadi cerminan sebenar sistem pendidikan negara yang menyingkap kekuatan, jurang yang melebar, dan peluang yang perlu digapai. Dapatan kajian ini menyingkap cabaran besar kerana anak-anak pernah terpenjara dalam kohort COVID-19, iaitu generasi yang menempuh persekolahan awal dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) selama hampir 18 bulan. Cabaran ini meninggalkan parut pembelajaran yang memerlukan strategi dan keazaman serta kerjasama secara kolektif untuk dipulihkan.

Cabaran utama yang terjelma daripada data ini termasuklah;

- Jurang Pencapaian Melebar: Murid daripada kumpulan berprestasi tinggi dalam Membaca dan Matematik mencatatkan penurunan signifikan iaitu sekitar 8 hingga 9 peratus, manakala kumpulan berprestasi rendah pula meningkat sekitar 2 hingga 3 peratus.
- Cabaran Linguistik: Murid yang mengalami fenomena bahasa utama iaitu bahasa yang digunakan di rumah berbeza daripada bahasa pengantar di sekolah mencatatkan skor jauh lebih rendah dalam literasi dan numerasi.
- Jurang pencapaian di antara SES semakin jauh: Pencapaian murid yang lebih baik dilihat mempunyai hubungan dengan kemudahan dan akses kepada sumber pembelajaran dan infrastruktur yang bermutu.
- Kualiti pengajaran asas Bacaan dan Matematik didapati berbeza bergantung tahap kompetensi guru. Pengajaran secara bersasar dan mengikut tahap dalam literasi dan numerasi asas, lebih memberi makna kepada pencapaian akademik masa hadapan yang lebih baik.

KPM menyedari bahawa cabaran masa depan jauh lebih kompleks dan bukan lagi sekadar memperoleh data malahan keupayaan menterjemah makna data secara reflektif dan memanfaatkannya menjadi tindakan. Sehubungan dengan itu, kejayaan pendidikan pada dekad akan datang ditentukan oleh keupayaan pendidikan pada hari ini untuk:

- Menyelaraskan pembelajaran berdasarkan pembentukan karakter mengikut keperluan setiap murid;
- Mengimbangi kehidupan antara teknologi dengan sentuhan kemanusiaan yang berupaya menterjemahkan nilai ehsan insan dalam era digital; dan
- Menjamin keadilan akses supaya setiap murid tanpa mengira latar belakang berpeluang untuk menggapai kejayaan.

Secara rumusnya, kisah pembelajaran membaca dan mengira ini belum pernah selesai bahkan menuntut tindakan, kesungguhan, keberanian dan kesediaan untuk berubah demi memastikan setiap murid dapat membaca dengan kefahaman, berfikir dengan mendalam dan berketerampilan dalam pengiraan.

7.5 Harapan

Kisah SEA-PLM 2024 bukan sekadar catatan sejarah namun memerlukan nyalaan harapan yang menuntut peranan dan tindakan secara kolektif daripada guru yang mendidik dengan keikhlasan, pegawai yang berkhidmat berasaskan data dan bertanggungjawab, serta pemimpin pendidikan yang memimpin dengan empati dan bervi.

SEA-PLM 2024 telah memperkukuh budaya membuat keputusan berasaskan bukti (*evidence-based decision-making*) dalam sistem pendidikan Malaysia. Dapatan kajian ini bukan sekadar ukuran pencapaian murid, tetapi landasan penting bagi transformasi berterusan pendidikan literasi dan numerasi di negara ini dengan memperkukuh dasar, kurikulum, latihan guru serta amalan pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulannya, KPM akan kekal komited memastikan setiap murid menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Usaha ini menjadi tunjang kepada pembinaan generasi berilmu, ibarat benih menjulang ke langit dengan akar yang kukuh di bumi.

LAMPIRAN



Perincian Skala Kecekapan Untuk Literasi Bacaan

Band	Perincian perkara yang boleh dilaksanakan oleh murid
<p>Band 6 & ke atas (317 dan ke atas) 58%</p>	<p>Memahami teks dengan struktur biasa dan menguruskan maklumat yang bertentangan Murid yang melepasi Band 5 boleh memahami teks dengan struktur yang lazim dan mengurus maklumat yang bertentangan apabila mencari idea dan butiran. Mereka dapat mencari banyak maklumat yang berkaitan dalam teks dengan struktur lazim, dan membuat perkaitan antara butiran dan idea untuk membuat inferens. Mereka dapat menggunakan petunjuk dan maklumat yang jelas untuk menyokong inferens walaupun terdapat maklumat yang bertentangan. Mereka juga dapat mengenal pasti elemen yang mungkin menjadi penyebab kepada peristiwa dan tindak balas watak-watak dalam naratif, di mana maklumat itu hanya tersirat dalam teks.</p>
<p>Band 5 (304 hingga kurang dari 317) 18%</p>	<p>Membuat perkaitan untuk memahami idea-idea utama Murid dalam kumpulan ini dapat menghubungkan maklumat yang berkaitan merentasi bahagian-bahagian dalam teks, termasuk jadual dan gambar rajah yang membolehkan mereka memahami idea utama. Konteks dan idea dalam teks yang boleh mereka akses mungkin bukan sesuatu yang lazim kepada murid sepenuhnya. Mereka boleh mengenali frasa dan ayat yang menyampaikan makna yang sama, dan membuat inferens mudah apabila terdapat beberapa maklumat yang bertentangan. Mereka boleh mengenal pasti tujuan ciri teks yang penting dalam teks pendek yang lazim dan menggunakan ciri teks tersebut untuk membantu mereka dalam mencari maklumat.</p>
<p>Band 4 (289 hingga kurang dari 304) 12%</p>	<p>Memahami teks ringkas Murid dalam band ini dapat memahami teks mudah yang mengandungi beberapa idea dan maklumat yang sebahagiannya di luar pengalaman peribadi murid. Murid boleh mencari ungkapan pendek yang berbeza yang mempunyai makna yang sama (contoh sinonim) dan menggunakan ciri teks untuk mencari maklumat dalam jadual dan jenis teks lazim yang lain. Mereka boleh mencantumkan maklumat yang penting merentasi ayat berdekatan. Mereka boleh membuat inferens mudah apabila petunjuk yang jelas disediakan, dalam pelbagai teks mudah yang berlainan jenis. Murid dapat membuat tafsiran maklumat yang munasabah dalam teks, dan dapat mengenal pasti tujuan jenis teks biasa. Mereka dapat menggunakan ciri teks dari jenis teks yang lazim, seperti jadual dan huruf, untuk mencari butiran. Dalam pepadanan perkataan dengan imej, mereka dapat memilih antara perkataan yang mempunyai makna yang serupa tetapi berbeza, dan mereka boleh mengenal pasti ayat yang lebih panjang yang menerangkan imej.</p>
<p>Band 3 (274 hingga kurang dari 289) 7%</p>	<p>Bacaan pelbagai teks harian dengan lancar dan mula tertarik dengan maknanya Murid dalam band ini dapat membaca pelbagai teks harian, seperti naratif mudah dan pendapat peribadi, dan mula tertarik dengan makna teks yang dibaca. Mereka dapat mencari isi penting dalam teks harian, serta menghubungkan maklumat yang berkaitan iaitu jelas dan terdapat maklumat bertentangan yang minimum. Mereka biasanya dapat membuat inferens mudah daripada maklumat utama.</p>
<p>Band 2 dan ke bawah (kurang dari 274) 5%</p>	<p>Mengenal pasti hubungan antara perkataan dan maknanya Murid biasanya dapat memadankan salah satu daripada empat perkataan yang diberikan dengan ilustrasi objek, tempat atau simbol yang biasa, untuk tugas-tugas yang mudah, secara terus dan berulang. Ini menunjukkan bahawa murid di bawah Band 3 dapat mengenal pasti makna beberapa perkataan.</p>

Perincian Skala Kecekapan Untuk Literasi Matematik

Band	Perincian perkara yang boleh dilaksanakan oleh murid
Band 9 dan ke atas (347 dan ke atas) 6%	Terdapat terlalu sedikit item untuk menerangkan secara komprehensif apa yang boleh dilakukan oleh murid di atas Band 8. Walau bagaimanapun, mereka boleh membuat alasan tentang tiga penjurus untuk mencari panjang sampingan yang tidak diketahui menggunakan maklumat mengenai sempadan. Mereka boleh menyelesaikan masalah menggunakan kekerapan.
Band 8 (334 hingga kurang daripada 347) 13%	Fikirkan secara pendaraban, tukar antara unit Murid di Band 8 boleh menyelesaikan masalah dengan menambah pecahan dengan penyebut yang sama, dan dengan membahagikan nombor perpuluhan dengan nombor satu digit. Mereka boleh meneruskan corak yang melibatkan perpuluhan. Mereka boleh menukar dari pecahan jam ke minit dan mereka boleh mengira perbezaan antara panjang yang melibatkan penukaran metrik. Mereka boleh menyelesaikan masalah menggunakan banyak-ke-satu piktograf.
Band 7 (321 hingga kurang daripada 334) 21%	Menggunakan pecahan dan peratus dan menganalisis perwakilan data. Murid di Band 7 boleh mengira peratus dan pecahan mudah nombor. Mereka boleh mengenal pasti putaran reka bentuk dengan separuh giliran. Murid boleh mencari nilai yang hilang dalam jadual menggunakan jumlah tertentu dan mengira nilai peratus yang hilang pada carta pai.
Band 6 (308 hingga kurang daripada 321) 24%	Menyelesaikan operasi matematik, termasuk dengan pecahan dan mentafsir jadual dan graf. Murid di Band 6 boleh menukar pecahan dalam persepuluh kepada bersamaan perpuluhannya. Mereka mempunyai pengetahuan kukuh berkenaan nilai tempat dan pembundaran dalam nombor sehingga lima digit. Murid boleh menyelesaikan masalah yang melibatkan peranti pengukur yang memerlukan penukaran unit metrik panjang dan kapasiti. Mereka boleh mengira jisim objek menggunakan keseimbangan. Murid boleh menambah 30 minit ke masa yang diberikan. Mereka boleh menggambarkan objek tiga dimensi dari perwakilan dua dimensi dan mentafsir peta mudah menggunakan bahasa arahan. Murid boleh mentafsirkan jadual kekerapan dan graf garis yang menunjukkan pertumbuhan.
Band 5 (295 hingga kurang daripada 308) 18%	Fasih menyelesaikan masalah aritmetik. Murid di Band 5 boleh menambah nombor 4 digit dan menolak nombor 2 digit dalam konteks dan mereka dapat mengenal pasti nombor 5 digit yang diberikan dalam perkataan. Murid boleh meneruskan pengiraan dan corak bentuk yang mudah. Mereka boleh membentuk senario dengan pendaraban dan pembahagian. Mereka memahami proses menerima separuh daripada kuantiti. Mereka boleh menyisipkan kapasiti dari silinder yang ditandakan, dan boleh membandingkan antara sudut dengan sudut dengan betul. Mereka boleh menganggarkan jisim objek. Murid boleh membaca nombor daripada jadual dan jumlahnya. Mereka memahami struktur graf bar yang menunjukkan jumlah dari masa ke semasa.
Band 4 (282 hingga kurang daripada 295) 10%	Menggunakan sifat nombor dan unit pengukuran. Murid di Band 4, murid boleh mencari separuh daripada nombor satu digit dan memahami nilai tempat dalam nombor lima digit. Mereka boleh menyelesaikan masalah yang melibatkan kapasiti yang tidak melibatkan penukaran unit. Mereka boleh menggunakan pengetahuan mereka tentang bilangan minit dalam satu jam. Murid boleh membaca nilai daripada graf bar.
Band 3 (269 hingga kurang daripada 282) 5%	Memahami nilai tempat dan skala pengukuran. Murid di Band 3 boleh mengesan nombor dua digit. Mereka boleh membaca ukuran panjang dan jisim dari skala yang memerlukan beberapa penyisipan. Murid boleh mengenali bentuk mudah dan membandingkan sudut-sudut. Mereka boleh mentafsirkan graf bar mudah.
Band 2 (kurang daripada 269) 3%	Terdapat terlalu sedikit item untuk menggambarkan apa yang boleh dilakukan oleh murid di bawah Band 3. Sesetengah murid mungkin dapat menambah nombor digit tunggal serentak, yang lain mungkin hanya dapat mengira himpunan kecil objek atau mengenali angka-angka.

